


Jilid 1  
Bil. 19

Hari Isnin  
6hb November, 1978



M A L A Y S I A

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1697]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1730]

### USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1729]

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1730]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- .. Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
  - .. Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).**
  - .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).**
  - .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).**
  - .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
  - .. Timbalan Menteri Pelajaran, **DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
  - .. Timbalan Menteri Pertahanan, **DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
  - .. Timbalan Menteri Kesihatan, **DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
  - .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
  - .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebat).**
  - .. Timbalan Menteri Kewangan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).**
  - .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
  - .. Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).**
  - .. Timbalan Menteri Kewangan, **PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).**
  - .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
  - .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).**
  - .. Timbalan Menteri Pelajaran, **TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).**
  - .. Timbalan Menteri Penerangan, **DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
  - .. Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).**
  - .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
  - .. Timbalan Menteri Undang-undang, **DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).**
  - .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).**
  - .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).**
  - .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).**
  - .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).**

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

„ TUAN V. DAVID (Damansara).

„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

„ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE KAW (Keluang).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

„ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

„ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 6hb November, 1978.

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MINYAK MENTAH**

1. **Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan hingga tahun 1978 ini, berapa barrel minyak mentah dikeluarkan di Malaysia setiap hari; mana satu negeri yang mengeluarkan minyak mentah ini; apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai dalam bidang pencarigalian baru dan dengan syarikat-syarikat minyak asing mana perjanjian-perjanjian perkongsian laba telah diadakan.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang mengeluarkan minyak mentah ialah Sarawak, Sabah dan Trengganu. Pengeluaran harian negeri-negeri itu secara purata sekarang adalah seperti berikut:

Sarawak 92.7 ribu tong,  
Sabah 82.1 ribu tong, dan  
Trengganu 31.6 ribu tong.

Syarikat-syarikat yang telah menandatangani Perjanjian perkongsian Pengeluaran (Bukan perkongsian laba) dengan Petronas ialah:

- (i) Sarawak Shell Berhad;
- (ii) Sabah Shell Petroleum Company; dan
- (iii) Esso Production Malaysia Incorporated.

Mengenai usaha-usaha mencarigali yang telah dijalankan, Sarawak Shell Berhad telah menjumpai sumber minyak yang besar di Wilayah Central Luconia, iaitu sejauh 120 batu dari Bintulu dalam tahun 1978 ini.

Sabah Shell pula telah melapurkan perjumpaan minyak yang besar pada tahun 1976 dan 1977 di Kawasan Tengah di perairan luar pantai Sabah.

Esso telah menjumpai lima sumber minyak di perairan luar pantai Trengganu dalam tahun 1977.

Petronas telah juga menubuhkan sebuah anak syarikat, iaitu Petronas Carigali Sendirian Berhad, untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mencarigali dan mengeluarkan minyak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Memandangkan Malaysia masih bergantung berat kepada syarikat-syarikat minyak asing dan juga Malaysia sangat kekurangan tenaga manusia untuk menjalankan perusahaan minyak sendiri, maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjemput sahabat-sahabat kita dari negara-negara Timur Tengah yang mengeluarkan minyak datang ke Malaysia untuk menolong Malaysia menjalankan perusahaan minyaknya supaya pencarigalian, pengeluaran, pembekalan dan penjualan minyak Malaysia boleh 100 peratus diletakkan di bawah kawalan dan juga dalam lengkungan kepentingan ekonomi Malaysia sendiri.

**Perdana Menteri:** Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

**PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI**

2. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada kelemahan-kelemahan serius sekarang dalam sistem pendaftaran

pengundi-pengundi yang layak dibatalkan pendaftaran mereka dan pengundi-pengundi yang layak didaftarkan tidak didaftarkan, satu jawatankuasa khas boleh ditubuhkan untuk mengkaji dan memperakukan satu sistem yang lebih cekap seperti pendaftaran secara otomatik pengundi-pengundi yang layak apabila mereka layak mendaftarkan diri dan juga untuk mengkaji perkara pendaftaran pengundi yang wajar.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara mengenai sistem pendaftaran memilih, pendaftaran memilih sepanjang tahun, pendaftaran memilih secara otomatik atau perkara mewajibkan pendaftaran pengundi, telah banyak kali dipersoal dan dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh itu, saya suka menegaskan sekali lagi di sini bahawa pada masa ini, Suruhanjaya Pilihanraya adalah berpuashati dengan sistem pendaftaran memilih yang ada sekarang dan tidak ada rancangan untuk menjalankan pendaftaran memilih secara otomatik ataupun mewajibkan pendaftaran memilih.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen samada beliau sedar bahawa sistem pendaftaran pengundi-pengundi yang ada sekarang tidak dapat menggalakkan pendaftaran pengundi-pengundi dengan maksimanya dan jika beliau sedar, saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang Kerajaan hendak ambil untuk menentukan bahawa pendaftaran pengundi-pengundi dapat dijalankan dengan maksimanya, supaya orang ramai dapat peluang untuk mendaftarkan nama-nama mereka.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa sistem pendaftaran memilih tidak dapat menggalakkan pendaftaran memilih-pemilih secara maksima merupakan pendapatnya tersendiri. Pada pendapat Kerajaan sistem yang ada sekarang sudah sesuai dan kita tidak hendak mengubah cara dan sistem itu.

**Tuan Lee Kaw:** Sebagaimana Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab bahawa Election Commission berpuas hati. Adakah beliau sedar masih ada satu kempen mendaftar tetapi banyak pusat-pusat pendaftaran tidak ada pegawai di situ.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat penuh yakin bahawa ada pusat-pusat yang tidak mempunyai pegawai adalah menjadi tanggungjawab Ahli Yang Berhormat itu juga melapurkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan kalau benar, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil tindakan.

**Tuan Lee Kaw:** Saya sudah dilapurkan kepada pegawai di Kluang, tetapi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti! Sudah dilapur atau sudah melapurkan?

**Tuan Lee Kaw:** Sudah melapurkan, tetapi katanya pusat-pusat itu ada Rukun Tetangga dan kalau tempat itu sudah ditutup mereka tidak boleh pergi. Ini bukan salah rakyat, rakyat ingin pergi mendaftar tetapi pusat sudah ditutup dan tidak ada pegawai. Adakah Election Commission sudah membuat salah? Jikalau beliau tahu perkara ini.....

**Tuan Yang di-pertua:** Beritahu Election Commission lagi.

**Tuan Lee Kaw:** Saya sudah lapurkan, jadi apa lagi yang hendak dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli dari Damansara.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan:

- (i) Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya dibuka selalu daripada tahun pertama dan akhir. Mengapa Pejabat Pilihanraya tidak mendaftarkan sesiapa yang sudah sampai umur untuk pergi mendaftar mengundi.
- (ii) Bolehkah Kerajaan memberi borang kepada semua tiap-tiap parti politik supaya mereka sendiri bebas boleh daftar dan menghantar borang di Pejabat Pilihanraya.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama telah pun dijawab dalam jawapan saya yang asal, iaitu pihak Suruhanjaya Pilihanraya puas hati dan tidaklah timbul soalan untuk mengadakan sistem mendaftar pemilih-pemilih sepanjang tahun.

Kedua, pada saya Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai pegawai-pegawai yang mencukupi dan sepanjang kempen pendaftaran pemilih-pemilih tidaklah perlu kita membiarkan borang-borang ini diberikan kepada pegawai-pegawai parti politik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya berpuas hati dengan sistem pendaftaran pemilih-pemilih. Kalau begitu bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini mengapa sambutan oleh pemilih-pemilih yang layak untuk mendaftar dalam kempen yang ada sekarang yang mana masih ada dua hari lagi untuk ditutup dan sambutannya sangat dingin di seluruh negara.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan itu terulanglah kepada pengundi-pengundi untuk mendaftarkan diri mereka masing-masing dan saya fikir tentulah menjadi tanggungjawab Ahli Yang Berhormat untuk menggalakkan orang ramai apabila layak untuk mendaftarkan diri.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Nampaknya pihak Kerajaan Masih degil dengan cadangan yang dibuat oleh pihak kami. Saya masih ingat tahun 1974 Menteri Kewangan sendiri.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu! Apa soalan tambahannya?

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan saya, oleh kerana kita dapati bahawa pendaftaran yang dijalankan sekarang tidak begitu memuaskan dengan adanya bukit-bukti yang diberi oleh rakan-rakan saya, bolehkah pihak Kerajaan menimbang supaya kembali balik kepada sistem pendaftaran rumah ke rumah seperti mana dibuat dahulu.

Kedua, kalau tidak boleh buat begitu, bolehkah automatic registration diadakan di

mana pihak Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) boleh berhubung dengan Jabatan Pendaftaran dan mendapatkan segala nama dan butir-butir tentang pemilih baru dan samada sistem ini akan melibatkan lebih wang daripada apa yang dibelanjakan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan bahagian yang pertama itu boleh dijawab, yang kedua sudah dijawab tadi iaitu secara automatik terdapat pada soalan asal tadi.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama asas soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu pada pihak saya tidaklah bersetuju atas asas soalnya. Jadi tidaklah ada apa yang hendak dijawab melainkan kami berpuas hati dengan sistem yang ada dan kalaulah ada masalah-masalah yang bersangkutan-paut dengan pendaftaran pemilih-pemilih, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan boleh melaporkan kepada Suruhanjaya untuk tindakan selanjutnya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa sistem pendaftaran sekarang adalah sangat memuaskan. Maka apakah sebabnya kebanyakan dan selalunya berlaku pen-daftar-pendaftar namanya kehilangan dalam buku daftar termasuk nama Menteri-menteri pun dikikiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu menunjukkan adil pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, tentulah Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu sedar bahawa dalam keadaan sekarang dalam sistem pendaftaran pemilih-pemilih, apa yang perlu kepada seorang pemilih itu mestilah sentiasa mengkaji dan menyemak samada namanya ada tertulis dalam electrol rolls dan itulah tanggungjawab pemilih-pemilih dan itulah sebabnya kita mengadakan gerakan pendaftaran pemilih-pemilih pada setiap tahun.

**Tuan V. David:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar ada parti-parti pemerintah dalam Barisan Nasional di mana pegawai-pegawainya ada mendapat borang tiap-tiap kawasan ataupun daerah, mereka

ada mendaftarkan nama-nama tetapi bagaimana parti Pembangkang tidak dapat borang?

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

### **MINYAK MENTAH/GAS CECAIR ASLI**

3. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa perusahaan-perusahaan minyak mentah dan gas cecair asli dijalankan oleh syarikat-syarikat asing. Dalam laporan beliau baru-baru ini perlesenan industri ini akan dibahagikan kepada dua iaitu 'upstream' dan 'downstream'. Berapa bilangan lesen industri minyak yang telah dikeluarkan hingga sekarang, dan berapa yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra, dan samada lesen-lesen ini diberikan kepada syarikat-syarikat asing kerana tiada Bumiputra yang mahir dalam menapis minyak mentah. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan iaitu berhubung dengan usaha mencarigali dan mengeluarkan minyak (exporation dan production), ketiga-tiga buah syarikat asing yang terlibat, iaitu Esso Production Malaysia Incorporated, Sarawak Shell Berhad dan Sabah Shell Petroleum Company, adalah bergerak atas dasar perkongsian pengeluaran dan dengan pengawasan oleh Petronas. Selain dari itu, Petronas sendiri telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang menjalankan kegiatan-kegiatan mencarigali dan mengeluarkan minyak, iaitu Petronas Carigali Sendirian Berhad.

Berhubung dengan perusahaan menapis minyak pula, ada tiga buah syarikat yang menjalankannya, iaitu Sarawak Shell Berhad, Shell Refining Company Berhad dan Esso Malaysia Berhad. Walaupun ketiga-tiga syarikat ini adalah kepunyaan asing, sebahagian sahamnya adalah dipunyai oleh warganegara Malaysia termasuk bumiputra.

Berkenaan dengan perusahaan gas cecair asli pula, hanya satu syarikat yang menjalankan perusahaan itu, iaitu Malaysia LNG Sendirian Berhad. Syarikat ini adalah syarikat usahasama antara Petronas yang mempunyai 65 peratus saham, Shell 17½ peratus saham,

dan Mitsubishi 17½ peratus saham. Oleh yang demikian, perusahaan minyak mentah dan gas cecair asli di negara kita, tidaklah dijalankan oleh syarikat-syarikat asing sahaja.

Berhubung dengan pemberian lesen pula, sehingga sekarang ini, sebanyak 204 buah lesen telah dikeluarkan bagi kegiatan-kegiatan 'upstream' dan sebanyak 1,621 bagi kegiatan-kegiatan 'downstream'. Yang dimaksudkan dengan kegiatan-kegiatan 'upstream' ialah kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan mencarigali dan mengeluarkan minyak mentah, termasuk juga kegiatan membekalkan alat-alat dan perkhidmatan kepada kegiatan-kegiatan mencarigali dan mengeluarkan minyak mentah itu. Kegiatan-kegiatan 'downstream' ialah berhubung dengan memproses dan menapis minyak mentah serta memasarkan hasil penapis itu.

Daripada 204 buah lesen bagi kegiatan-kegiatan 'upstream' itu, 92 buah adalah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat bumiputra. Daripada 1,621 buah lesen untuk kegiatan 'downstream' pula sebanyak 261 buah lesen telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat bumiputra.

Biasanya, mana-mana syarikat yang memohon lesen, yang dapat membuktikan bahawa ia mempunyai kebolehan dan kewangan yang cukup untuk menjalankan perniagaan minyak itu, adalah diberikan lesen. Walau bagaimanapun, oleh kerana perusahaan minyak memerlukan teknologi yang kompleks dan sophisticated, serta juga memerlukan modal yang besar, maka bilangan syarikat-syarikat bumiputra dalam lapangan ini adalah terbatas, dan akan mengambil masa yang panjang untuk menambahkan bilangannya. Dalam pada itu, pihak Kerajaan adalah sentiasa memberi galakan kepada syarikat-syarikat bumiputra. Petronas menyediakan bantuan kewangan untuk melatih bumiputra di bidang perminyakan ini, dan ada juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

### **BANCI PERTANIAN**

4. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang mengadakan banci pertanian yang baru

memandangkan bahawa banci yang ada sekarang telah dibuat dalam tahun 1960;

- (b) samada beliau sedar bahawa mereka yang tidak bertanah di negara ini tidak puashati dengan sistem pemberian tanah yang ada sekarang kerana sistem ini tidak memberi jaminan bahawa mereka yang tidak bertanah sahaja diberi tanah dan jika ya, samada Kerajaan akan menukar sistem ini; dan
- (c) samada Kerajaan akan menjalankan reformasi tanah, jika tidak mengapa.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah mengadakan satu sample banci pertanian di seluruh negara pada bulan Mei hingga Oktober, 1977 kira-kira 180,000 isi rumah (households) terpilih telah dihitung melibatkan 145,000 isi rumah di Semenanjung Malaysia, 15,000 isi rumah di Sabah dan 20,000 isi rumah di Sarawak. Matlamat yang telah dipungut adalah berhubung dengan perkara-perkara berikut:

- (1) ciri-ciri isi rumah.
- (2) kebun-kebun pertanian isi rumah.
- (3) pendapatan isi rumah.
- (4) tenaga buruh.

Tahun rujukan bagi data-data tersebut ialah tahun 1976 kecuali mengenai data tenaga buruh yang mana dirujuk kepada keadaan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang didapati kini sedang diproses dengan menggunakan komputer dan jadual-jadual utama dijangka siap pada pertengahan tahun 1979.

- (b) Perlu ditegaskan bahawa sistem pemberian tanah melalui agensi-agensi pembukaan dan pembangunan tanah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah menjamin bahawa mereka yang tidak bertanah

sahaja atau ada sedikit sangat tanah yang diberi tanah.

Mengikut taraf Akta Penempatan Beramai-ramai, 1960 (Group Settlement Act 1960) mereka yang mempunyai tidak lebih dari 2 ekar tanah desa (country land) ataupun mempunyai hanya sekeping tanah pekan (town land) yang digunakan sebagai tapak rumah atau mempunyai kedua-keduanya adalah layak memohon tanah. Ini adalah merupakan syarat-syarat asas kepada pemohon menyertai rancangan-ancangan tanah seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain agensi pembangunan tanah di peringkat negeri.

Sebelum daripada itu langkah-langkah sentiasa diambil bagi memastikan semua golongan yang berkenaan mengetahui akan rancangan tanah yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui berita-berita yang disampaikan, yang dipamirkan di rumah-rumah ibadat, di balairaya, ceramah-ceramah, Ketua-ketua Kampung, Pejabat-pejabat Penerangan dan juga di surat-suratkhabar. Segala permohonan-permohonan yang diterima adalah ditapis berdasarkan syarat-syarat asas pemberian tanah yang saya nyatakan tadi. Pemohon-pemohon yang berjaya untuk ditemuduga akan sekali lagi diselidiki samada mereka itu betul-betul mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai pemohon-pemohon yang berjaya dipilih daripada temuduga itu akan dipamirkan pula di tempat-tempat awam bagi satu tempoh masa tertentu untuk membolehkan orang ramai membuat bantahan jika ada kepada mana-mana penama dalam senarai yang tersebut berhubung dengan kelayakan masing-masing. Jika didapati bantahan-bantahan tersebut betul, maka nama-nama yang berkenaan dalam senarai tersebut akan dipinda sebelum diputuskan oleh Kerajaan. Dengan itu adalah nyata bahawa sistem pemilihan sangat sesuai dan tidak perlu ditukarkan. Peraturan ini menjamin hanya mereka yang layak sahaja untuk diberi tanah.

Kerajaan sedar bahawa pada masa ini rancangan-ancangan tanah yang telah dijalankan tidak dapat menampung permohonan-permohonan yang begitu banyak memohon. Mereka yang berjaya semasa

ditemuduga dan masih menunggu akan ditempatkan mengikut giliran masing-masing apabila rancangan-rancangan pembukaan tanah yang sedang dan akan disiapkan mengikut jadual yang ditentukan.

- (c) Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu mungkin sedar bahawa konsep reformasi tanah mempunyai pengertian dan interpretasi yang berbagai-bagai dan juga pelaksanaan yang berbeza-beza pula di antara negara-negara yang berkenaan. Negeri yang ada diktator lain caranya, negeri yang ada demokrasi lain caranya. Dalam hubungan ini ciri utama dalam program reformasi tanah telah mengadakan perubahan kepada sistem pemilikan tanah secara paksaan. Proses dan pelaksanaan yang cepat dan mendadak (compulsory, drastic and rapid means), itu caranya. Oleh itu Kerajaan kita tidak bercadang mengadakan reformasi tanah yang menganjurkan perubahan tersebut kerana ianya tidak begitu selaras dengan dasar Kerajaan yang ada ini dan kedudukan masyarakat kita yang ada di Malaysia ini. Begitu juga latar belakang seperti keluasan pemilikan perseorangan dan masalah yang ditimbulkan oleh tuan-tuan tanah di negara-negara yang telah mengamalkan reformasi tanah tidaklah sama dengan keadaan yang ada di Malaysia ini. Sementara itu pemilikan tanah di sektor estet dan perlombongan, iaitu pengeluaran untuk eksport adalah memerlukan sistem pengurusan dan pengeluaran yang cekap dan berkesan. Adalah tidak praktikel mengadakan pertukaran pemilikan yang mendadak kerana ianya akan menjejaskan kecekapan dan pengeluaran serta mengurangkan keyakinan pelabur-pelabur asing untuk memberi sumbangan bagi memajukan ekonomi negeri kita.

Perlulah disedari bahawa pertukaran pemilikan tanah tanpa menyediakan pengurusan yang baik dan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan akan menyebabkan daya pengeluaran dan hasil pertanian akan merosot kelak. Oleh itu

program-program yang disediakan adalah untuk memperbaiki taraf pemilikan tanah dan meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan di sektor pertanian pekebun-pekebun kecil serta menambahkan pengeluaran di sektor pertanian untuk di eksport.

Rancangan-rancangan pembukaan dan pembangunan tanah oleh agensi-agensi pusat seperti FELDA, FELCRA dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk memperbaiki taraf pemilikan tanah golongan-golongan yang tidak bertanah.

Sementara itu untuk memastikan kadar sewa pertanian yang tidak membebankan rakyat, Kerajaan telahpun melaksanakan Akta Kawalan Sewa dalam tahun 1967. Strategi meningkatkan daya pengeluaran dan menstabilkan harga pengeluaran pertanian pekebun-pekebun kecil telah dijalankan oleh agensi-agensi dan badan-badan berkanun seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA, Lembaga Padi dan Beras Negara, FAMA, MARDEC dan lain-lain, tidak payah saya sebutkan. Kerajaan merasakan bahawa segala program-program yang dirancang dan dilaksanakan adalah untuk memperbaiki pekebun-pekebun kecil dan golongan rakyat yang miskin di sektor pertanian. Kerajaan sentiasa mengkaji pelaksanaan dari masa ke semasa untuk membolehkan golongan tersebut mendapat faedah yang sepenuhnya. Dengan itu setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menjalankan reformasi tanah bagaimana yang dikehendaki oleh penyual atau pihak Pembangkang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam ini panjang jawabannya, ada dua soalan tambahan?

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang panjang, tetapi saya ada dua soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Tuan Lee Lam Thye:** Yang pertama, bolehkah Kerajaan dapat memberi pertimbangan kepada seorang individu, misalnya seorang petani yang perlukan tanah untuk

tujuan tanaman samada permohonannya akan diberi pertimbangan apabila.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah jelaskan dahulu beberapa kali di bawah Pertauran Mesyuarat 23, tidak dibenarkan memberi soal misal, misalnya, ini tidak ada.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, saya faham, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak dibenarkan oleh Standing Order.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ini satu soal tambahan yang lain yang saya ingin bertanya ialah, saya ingin mendapat tahu samada setinggalan-setinggalan, misalnya setinggalan-setinggalan yang ada dalam Wilayah Persekutuan yang bergantung kepada tanah untuk mencari nafkah dan apabila mereka diusir oleh Kerajaan samada mereka dapat dipertimbangkan untuk mendapat tanah di negeri-negeri yang lain yang ada mempunyai tanah. Itu soal tambahan saya.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ini berkenaan dengan perumahan nampaknya. Setinggalan di keliling bandar Kuala Lumpur ini kalau hendak dicari tanah di Kuala Lumpur memang tidak ada tanah, kalau ada pun tanah yang ada tuannya, menjadi setinggalan juga. Kalau dia hendak pergi ke Ulu Kelantan atau ke Ulu Pahang sana tidak tahulah, tetapi tidak ada tanah di keliling Kuala Lumpur hendak dibubuh.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Apa yang saya maksudkan ialah misalnya dalam kawasan Sungai Besi yang mana ada didapati setinggalan yang memerlukan tanah untuk tujuan tanaman dan apabila meteka diusir oleh Kerajaan mereka hendak memohon tanah supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka. Itulah soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana-mana sahaja?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, betul.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kenalah dia memohon

kepada Kerajaan Negeri Selangor, kemudian bukan dia seorang sahaja, tengok berapa luas tanah itu, berapa orang yang tidak ada tanah, kalau tanah itu ada 4, 5 ekar yang memohon pula 100 orang, macam mana hendak diberi? Itu terpulang kuasa Kerajaan Negeri. Saya tidak ada kuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tiga atau empat tahun dahulu bekas Menteri Tanah masa itu Datuk Asri, bila menjawab satu soalan saya ada berkata bahawa pihak Kementeriannya sedang membuat satu kajian dengan tujuan memastikan bahawa setiap pesawah padi di Kedah boleh dapat atau boleh memiliki tanah seluas sekurang-kurangnya 8 ekar. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada kajian ini habis dan apa tujuan Kerajaan atau kajian ini sudah diabandon oleh kerana ini mengenai masalah mengatasi kemiskinan pesawah-pesawah padi di Kedah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan berkenaan dengan kajian ini sudah terkeluar daripada soalan asal. Nampaknya Yang Berhormat sudah siap untuk menjawab!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kajian mengenai.....

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Kalau ada Yang Berhormat Menteri Tanah yang kemarin itu berjanji, dia berkuasa, dia buatlah. Saya tidak berjanji (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dia berjanji bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional masa itu. Kalau perjanjian itu sudah ditarik balik, beritahulah!

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Saya tidak menjalankan perjanjian itu. Kalau ada berkenaan dengan polisi, polisi saya, saya jalankan.

**Dr. Tan Tjong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar sekarang di Bukit Tinggi, Pahang tindakan telah diambil di mana petani-petani halia telah diberi saman dan tanaman-tanaman halia mereka yang ditanam secara haram telah diconfiscated oleh pihak Kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri

berkenaan menyasiat perkara ini dan memberi peluang kepada petani-petani yang saya sebutkan tadi memohon tanah untuk menanam halia di Bukit Tinggi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada kes yang khusus macam ini hendaklah diberi notis. Tetapi kalau menyasiat sahaja soalan tadi, boleh Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan cara-cara memberi tanah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul, betul, tetapi ini pertanyaan khusus. Mana Yang Berhormat Menteri hendak ingat semua perkara tiap-tiap satu itu. Kalau soalan untuk menyasiat, itu boleh Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa mengeluarkan tanah ialah Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan cuma memajukan tanah. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, bukan Menteri Tanah, hendak difahamkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Tetapi kalau ada Kerajaan Pahang merampas, mengambil balik tanah-tanah yang diduduki secara haram memang betul. Kalau tidak semuanya manusia, rakyat negeri ini akan duduk tanah dengan secara haram. Kalau betul ada yang telah dirampas bolehlah mereka itu memohon semula tanah kepada Kerajaan Pahang dengan cara mengikut undang-undang, kemudian dicari satu kawasan diisytiharkan bagaimana yang saya cakap tadi iaitu masuk dengan secara itu, bukan secara haram iaitu ramai-ramai masuk begitu. Itu caranya.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanya yang berkaitan dengan rancangan-rancangan tanah. Walaupun tanah ini di bawah kuasa Negeri tetapi tentulah juga Kementerian berkenaan mempunyai maklumat mengenai pembahagian-pembahagian tanah. Jadi, bagaimanakah kedudukannya dengan tanah-tanah yang di luar daripada rancangan tanah itu, adakah Kerajaan juga hanya akan mengutamakan orang-orang tidak bertanah yakni Kerajaan tidak akan memberi kepada orang-orang

perseorangan yang tertentu yang sudah kaya-raya untuk dimajukan oleh orang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini orang berkenaan mana, tidak timbul dalam jawapan dan dalam soalan tidak ada ini. Orang berkenaan mana?

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Soalan ini adalah umum, mengenai tanah semuanya, bukan hanya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, umum, tetapi ini tidak umum—orang yang tertentu, orang yang tertentu mana?

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Saya tanya adakah, itu soalan. Samada diberi kepada orang yang tertentu sesiapa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Iaitu kalau tanah yang luas diberikan kepada orang-orang yang tertentu? Ada atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakap ada atau tidak, sudah.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu.

#### PERJUMPAAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN SUHARTO

**5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan hasil-hasil yang tercapai pada masa perjumpaan beliau dengan Presiden Suharto di Labuan baharu-baharu ini.

**6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan perbincangan beliau dengan Presiden Suharto dari Indonesia di Labuan samada soal kawalan keselamatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan ASEAN dibincangkan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5 dan juga soalan No. 6 sama maksudnya dengan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan

dari Kuala Lumpur Bandar yang telah saya jawab pada 12hb dan 16hb Oktober yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah saya beri dahulu.

### ADUAN ORANG RAMAI

**7. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengeluarkan arahan khas kepada setiap Menteri baik peringkat Negeri atau Persekutuan dalam Malaysia supaya melayani semua aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai sesuai dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional iaitu berasaskan kepada tindakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, menurut sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan, berkhidmat kepada orang ramai atau rakyat—dan ini adalah termasuk melayani aduan-aduan—ialah tanggungjawab dan tugas seseorang Menteri, samada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri. Bertambah pula jika aduan-aduan itu, ada kaitannya dengan Kementerian atau Potfolio seseorang Menteri itu.

Di samping itu, bagi menentukan lagi supaya rakyat dapat membuat aduan-aduan, Kerajaan telah juga menubuhkan Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri, dimana aduan-aduan itu boleh disalurkan. Semua aduan-aduan itu adalah dirujuk kepada Kementerian-kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan untuk tindakan. Sistem ini telah berjalan semenjak tahun 1971.

Semua Menteri, samada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri, sudah mengetahui amalan dan sistem ini, dan tidaklah perlu bagi saya mengeluarkan arahan khas berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil kesempatan ini memberi maklumat yang lanjut sedikit berkenaan dengan Biro Pengaduan Awam, oleh kerana boleh jadi ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengetahui tugas-tugas Biro ini dan perjalanannya semenjak tahun 1971.

Pada tahun 1971, Kerajaan telah menubuhkan sebuah agensi iaitu Biro

Pengaduan Awam di bawah Bahagian Penyelidikan Sosio Ekonomi dan Perancangan Am, Jabatan Perdana Menteri, yang bertujuan untuk merapatkan perhubungan di antara Kerajaan dengan orang ramai dan mengujudkan satu saluran yang akan membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan atau sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasai tidak adil. Berbagai-bagai jenis aduan telah diterima dan diselesaikan melalui Biro ini semenjak penubuhannya. Dalam tahun 1977, misalnya sebanyak 2,888 aduan telah diterima, 2,191 (75.9%) telah diselesaikan, bakinya 697 (24.1%) ditolak kerana terkeluar dari bidang kuasa Biro ini, seperti aduan mengenai peribadi dan perkara-perkara yang di dalam tindakan mahkamah.

Untuk memperluaskan fungsi, liputan, tanggungjawab dan membuat Biro Pengaduan Awam itu bertambah berkesan, baru-baru ini telah ditubuhkan Bahagian Suratkhbar dan Bahagian Keadilan Sosial. Bahagian Suratkhbar akan mengesan berita, aduan dan artikel dalam akhbar-akhbar tempatan dan Bahagian Keadilan Sosial akan mengkaji aduan-aduan secara keseluruhan serta membuat syor-syor untuk membetulkan tindakan atau keputusan yang tidak adil, khususnya ke atas orang-orang miskin, baik di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Kerajaan telah juga melantik semua Ahli-ahli Parlimen menjadi penerima aduan. Selain dari itu Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Daerah, Ketua-ketua Polis Daerah, Pegawai-pegawai Penerangan, Guru-guru Besar, Penghulu-penghulu, Penggawa-penggawa dan Komandan-komandan Garisan telah juga dilantik sebagai Penerima Aduan.

Oleh yang demikian, melayan aduan-aduan dari orang ramai bukanlah tanggungjawab Menteri-menteri sahaja, tetapi ia adalah juga tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen dan Pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sejauh manakah Biro Pengaduan Awam

mempunyai kuasa untuk mengatasi masalah-masalah yang disampaikan oleh rakyat ataupun sejauh manakah Biro Pengaduan Awam mendapat kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah-masalah yang disampaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan dan tugas Biro Pengaduan Awam itu mengambil tindakan. Biro ini adalah suatu jentera di mana orang ramai atau rakyat jelata boleh menyampaikan pengaduan-pengaduan dan Biro ini menyampaikan pengaduan itu kepada Kementerian, badan-badan yang berkenaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengkaji, mengambil tindakan, melayan atau memberi kepuasan hati kepada pengaduan-pengaduan yang telah ditimbulkan itu.

Bagi pihak Kerajaan dalam mengesan berkenaan dengan aduan yang hendak disampaikan kepada Kementerian, dari sini kita dapat mengesan samada aduan-aduan yang telah disampaikan kepada Kementerian-kementerian dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri itu ada diambil tindakan dengan sewajarnya dan jika tidak ada layanan daripada Kementerian-kementerian berkenaan dan aduan itu masih lagi disampaikan kepada Biro ini, maka bagi pihak Kerajaan akan menghubungi Kementerian itu dan meminta laporan sebab-sebab tidak dilayan aduan-aduan itu. Tiap-tiap aduan yang disampaikan kepada Biro Pengaduan Awam disampaikan kepada Kementerian berkenaan dengan satu salinan (copy) kepada Jabatan Perdana Menteri bagi menyemak dan mengetahui bahawa pengaduan-pengaduan ini telah disampaikan kepada Kementerian-kementerian berkenaan. Dengan ini kita dapat mengetahui masalah-masalah pengaduan-pengaduan samada berkenaan dengan pentadbiran atau sebagainya yang telah dikemukakan oleh orang ramai.

Tiap-tiap tahun Biro Pengaduan Awam ini membuat laporan yang disampaikan kepada Kabinet dan Kabinet meneliti aduan-aduan itu, berapa bilangannya, di kawasan ataupun perkara mana yang rakyat jelata selalu membangkitkan pengaduan. Jadi ada penapisan

dan pengawasan, bukan sahaja daripada Jabatan saya, bahkan juga oleh Kabinet sendiri melalui laporan yang disampaikan kepada Kabinet tiap-tiap tahun daripada Biro Pengaduan Awam ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkenaan laporan tadi yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin mendapat tahu samada laporan itu dapat diedarkan kepada tiap-tiap Ahli Parlimen supaya mereka ada diberi peluang untuk membaca laporan itu dan juga untuk mendapat tahu apakah kemajuan yang ada tercapai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laporan kepada Kabinet atau Kementerian?

**Tuan Lee Lam Thye:** Laporan daripada Biro Pengaduan Awam seperti yang disebutkan oleh beliau.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua seperti mana saya terangkan, Ahli-ahli Jemaah Kabinet mendapat laporan pada tiap-tiap tahun daripada Biro ini yang menunjukkan angka-angka, butir-butir dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya dukacita bagi pihak Kerajaan tidak dapat menyampaikan laporan ini kepada Dewan ini. Tetapi daripada pengaduan-pengaduan itu telah disampaikan kepada tiap-tiap Kementerian, negeri iaitu aduan-aduan di dalam satu tahun itu berapa yang masih lagi kita mengetahui tidak mendapat layanan samada daripada Kementerian atau badan-badan yang ada di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan ataupun negeri-negeri. Ini adalah mustahak bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang bahkan adalah mustahak kepada Kerajaan juga supaya aduan-aduan ini digalakan. Macam mana saya sebutkan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat semua telah disampaikan surat diminta menjadi penerima aduan dan kami semua berharap dan berkehendakkan Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Dewan ini mengambil berat di atas perkara ini dan menerima aduan-aduan yang disampaikan kepada Biro yang berkenaan. Bagi kami sedia mengambil tindakan sewajarnya bagi mengemukakan aduan-aduan ini kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan dan jika kami

sendiri tidak puashati dengan layanan yang diberi oleh Kementerian itu kami sendiri mengambil tindakan sama ada mengerahnya atau tindakan-tindakan yang lain.

### KAD PENGENALAN MERAH BAGI PENGUNDI

8. **Tuan A.K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa semasa Pilihanraya Parlimen di Sabah, kebanyakan pengundi-pengundi yang nama mereka tertera dalam Daftar Pengundi telah tidak dibenarkan mengundi kerana mereka memegang Kad-kad Pengenal Merah tetapi mengapakah mereka terdaftar sebagai pengundi sekiranya mereka tidak boleh dibenarkan mengundi; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil supaya Daftar-daftar Pengundi di Sabah dikemaskini, oleh kerana kebanyakan nama pengundi-pengundi yang telahpun meninggal dunia beberapa tahun yang lalu masih belum mansuhkan daripada Daftar Pengundi maka jumlah bilangan pengundi bagi setiap kawasan pilihanraya dengan demikian tidaklah boleh diangkar 100% betul.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemungkinan seseorang yang mempunyai Kad Pengenal Merah terdaftar dalam daftar pemilih adalah satu perkara yang boleh memohon menjadi pemilih dengan mengisi borang yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan mengirimkan borang yang telah diisikan itu melalui pos, tanpa menunjukkan Kad Pengenalannya.

Walau bagaimanapun, pemegang Kad Pengenal Merah iaitu orang-orang yang bukan warganegara tidak akan dibenarkan mengundi dalam mana-mana pilihanraya dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil tindakan bagi memotong nama-nama mereka daripada Daftar Pemilih apabila mereka ini didapati sebagai pemegang Kad Pengenal Merah. Jika sekiranya mereka didapati benar-benar telah membuat

kenyataan palsu semasa membuat perakuan dalam borang permohonan menjadi pemilih, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Mengenai soalan (b), memanglah menjadi Dasar Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengemaskini Daftar-daftar Pemilihnya terutama dalam mengeluarkan nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia. Tetapi oleh kerana adanya jarak masanya di antara tarikh seseorang itu meninggal dunia dengan tarikh maklumat-maklumat ini diperolehi oleh Suruhanjaya Pilihanraya daripada Pejabat-pejabat Pendaftaran Beranak dan Mati, maka tidak dapat tidak nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia itu akan terus tercatat dalam Daftar Pemilih buat sementara waktu.

### STABILKAN HARGA BARANG-BARANG

9. **Tuan Hashim bin Endut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan iaitu selain daripada mengulangi pengakuannya menyokong kumpulan wang bersama untuk menstabilkan harga-harga barangan, di masa perundingan di antara Amerika Syarikat dan Negara-negara ASEAN, samada Amerika Syarikat mempelawakan apa-apa pemberian atau konsesien yang baru kepada masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Negara-negara ASEAN seperti membebaskan perdagangan dan pelaburan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat ASEAN/Amerika Syarikat adalah dilihat dalam konteks membentuk asas hubungan bagi kerjasama dua belah pihak. Kita adalah berpuas hati dengan hasilnya. Tambahan pula pihak pentadbiran Amerika Syarikat telah menunjukkan sikap yang baik terhadap banyak perkara yang ditimbulkan oleh ASEAN pada masa mesyuarat itu. Dua rombongan dari Amerika Syarikat (OPIC dan EXIM Bank) ke daerah ini pada tahun ini juga adalah hasil utama dari mesyuarat tersebut di atas tadi. Walaupun begitu, dalam segi perdagangan pihak Amerika Syarikat telah berjanji untuk mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan ASEAN tersebut bilamana mereka menggubal undang-undang perdagangan yang berhubung dengan Generalised System of Preferences (GSP).

## KAKITANGAN PEJABAT PERIKANAN NEGERI KELANTAN

10. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa kakitangan Pejabat Perikanan Negeri Kelantan tidak mencukupi untuk menjayakan projek perikanan yang menyeluruh; untuk membantu samada dengan cara subsidi atau mengadakan projek perkampungan nelayan yang boleh membantu mereka mendapatkan tambahan pendapatan selain dari menangkap ikan; samada pegawai-pegawai yang cekap dan mahir dapat diperbantukan untuk menolong menjayakan projek perikanan di Kelantan, khususnya di Tumpat supaya dapat nelayan-nelayan itu menangkap ikan di lautan jauh untuk memperolehi hasil yang lebih. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang perkara ini dan langkah-langkah telahpun diambil dengan menambah 5 orang kakitangan bagi tahun 1977 dan 1978 dan seorang Pembantu Perikanan Tingkatan Khas akan ditempatkan di Kelantan pada tahun 1979 bagi melicinkan lagi pelaksanaan projek subsidi nelayan di sana. Ibu Pejabat Perikanan juga sentiasa menghantar pegawai-pegawainya untuk membantu menjayakan projek perikanan yang dijalankan di peringkat negeri dan daerah. Untuk meninggikan bagi pendapatan kaum nelayan, Kerajaan telah dan sedang memberi subsidi injen-injen motobot dan pukot-pukot.

Bagi penternakan ikan pula Kerajaan telah membantu dengan membina kolam-kolam ikan beserta dengan peralatannya dan membina sangkar-sangkar untuk ternakan laut serta membekalkan benih-benih ikan, kapur dan baja. Satu rancangan perintis perkampungan nelayan diadakan di Kg. Kandis, Bacok, Kelantan yang menyatukan tindakan berbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Unit Perancang Bandar dan Kampung dengan tujuan untuk mengujudkan satu kawasan kediaman kaum nelayan yang teratur dan mendapat segala kemudahan awam sambil memberi kerja-kerja sambilan kepada nelayan tersebut sebagai tambahan pendapatan. Jika Projek ini berjaya ianya akan dilak-

sanakan di lain-lain perkampungan nelayan di Kelantan seperti di Tumpat dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar walaupun begitu banyak projek disebutkan oleh Timbalan Menteri tetapi didapati berjuta-juta ringgit wang yang diperuntukkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Kelantan untuk subsidi dan projek perikanan pada tahun lepas tidak habis dibelanjakan. Mungkinkah ini disebabkan oleh kekurangan pegawai ataupun tidak ada kecekapan (efficient) pegawai perikanan di dalam negeri Kelantan?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab ini di dalam jawapan asal tadi. Kementerian Pertanian sedar perkara ini, itulah sebabnya pegawai-pegawai dan kakitangan akan ditambah untuk melaksanakan projek ini.

## PENGALIRAN KELUAR KAPITAL ASING

11. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pengaliran keluar pendapatan kasar pelaburan (outflow of gross investment income) dari Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua di antara 1970—1975 dan untuk tahun 1976 dan 1977 dan adakah beliau sedar jika pengaliran keluar kapital asing sebanyak \$1,000 juta setahun ini adalah merugikan kepentingan ekonomi Malaysia, dan menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil untuk mencegah pengaliran keluar kapital asing yang besar ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa sejumlah besar pendapatan, daripada pelaburan asing di dalam bentuk keuntungan, dividen dan sebagainya adalah dibawa keluar oleh pelabur-pelabur asing dan juga orang perseorangan. Keadaan ini telah berlaku sejak beberapa tahun. Namun begitu ianya tidak menjejaskan keadaan ekonomi dan suasana pelaburan di negara ini oleh kerana jika dibandingkan dengan jumlah modal bersih jangka panjang yang dibawa masuk (net long term capital inflow) antara 1970—1977 sebanyak \$7,492 juta.

Haruslah disedari bahawa kita tidak akan dapat menggalakkan orang-orang asing melabur lebih banyak lagi dari modal mereka di negara ini sekiranya kita menyekat pemulangan pendapatan dalam bentuk untung dan dividen. Oleh kerana kebebasan bagi aliran masuk dan keluar ke atas untung dan dividen merupakan suatu faktor penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan, maka tidaklah ada cadangan untuk melaksanakan langkah-langkah yang akan merugikan, seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### JUAL-BELI LOT TAPAK RUMAH

12. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah tindakan pencegahan yang telah diambil untuk mencegah kegiatan-kegiatan jual-beli lot-lot tapak rumah yang mana permohonan-permohonan pecahan lot (sub-division) dan ubah-syarat (conversion) masih belum lagi diluluskan, dan adakah beliau sedari bahawa ada di antara mereka mengiklan dan menegakkan papan tanda iklan di tepi jalan untuk menjual lot-lot tapak rumah tersebut, jika ia, apakah tindakan yang akan diambil untuk memberhentikan kegiatan ini.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah mendapat perhatian Kerajaan lebih dari dua tahun dahulu. Untuk mengatasinya, satu Jawatankuasa Kabinet telah dilantik pada 14hb April, 1976 bagi mencari jalan supaya pembeli-pembeli tapak rumah tidak akan menjadi mangsa dan mengalami kerugian kerana sebab-sebab berikut:

- (a) membeli tapak-tapak rumah yang mana permohonan untuk tukar syarat kegunaan tanah tersebut kepada perumahan belum selesai;
- (b) urusan pecah sempadan tanah tersebut belum diluluskan oleh Kerajaan;
- (c) Kerajaan tidak akan menimbangkan kerana faktor-faktor perancangan; dan
- (d) suratan-suratan hakmilik berasingan untuk tapak-tapak tanah itu belum lagi dikeluarkan walaupun pecah sempadan diluluskan bagi membolehkan jual-beli didaftarkan.

Setakat ini, pengkajian Jawatankuasa Kabinet ini telapun sampai keperingkat yang akhir. Kementerian saya berharap untuk mengemukakan kepada Kabinet syor Jawatankuasa ini, iaitu satu cadangan pindaan kepada Kanun Tanah Negara bagi mengatasi masalah ini dan juga masalah yang berkaitan dengan pengiklanan tapak-tapak rumah yang belum lagi diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tujuan perumahan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu samada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bercadang supaya Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengawal iklan-iklan jual lot-lot tanah yang tidak bertanggungjawab supaya orang ramai akan dapat diperlindungi.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Ini pun sudah diperhitungkan sewaktu menyediakan pindaan kepada Kanun Tanah Negara nanti.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan akan memberi pembelaan kepada orang-orang yang telah menjadi mangsa kepada perbuatan-perbuatan yang seperti ini, dan kalau sekiranya Kerajaan akan memberi pembelaan kepada orang-orang yang sekarang ini sedang menjadi mangsa, apakah jenis pembelaan tersebut?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Semua urusan jual-beli yang dilakukan oleh pelanggan dan penjual setakat ini adalah tertaklok kepada Undang-undang Negara yang sedia ada. Jika terdapat sebarang penyelewengan ataupun penipuan maka pihak-pihak yang terkena dapat membuat aduan-aduan untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Zainab binti M. A. Bakar.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan 13 ini saya kemukakan sebelum pengumuman Budget. Oleh kerana sekarang ini cukai buah-buahan telahpun turun, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

*(Soalan 13 ditarik balik)*

## KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN

14. **Tuan V. David** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan tujuan ditubuhkan Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan bila ianya ditubuhkan; jumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan hingga hari ini dan samada Kerajaan akan menggunakan kumpulanwang itu dengan sepenuhnya bagi pembangunan pelajaran anak-anak pekerja ladang, jika tidak bagi maksud apakah wang itu digunakan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah ditubuhkan pada 1-9-1958 di bawah Ordinan Kumpulan Wang Buruh India Selatan tahun itu tujuan-tujuan seperti berikut:

- (a) Untuk menghantar pulang pekerja-pekerja India Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka atau anak-anak yatim yang layak dihantar pulang;
- (b) Untuk menyara pekerja-pekerja India Selatan yang telah tua dan uzur serta tanggungan-tanggungan mereka atau anak-anak yatim;
- (c) Untuk membeli, membina, menyelenggara dan membahagi-bahagikan depot-depot untuk menempatkan pekerja India Selatan ini;
- (d) Untuk kebajikan dan faedah pekerja-pekerja India Selatan yang memerlukan bantuan; dan
- (e) Untuk sebarang tujuan yang lain yang bagi faedah pekerja-pekerja India Selatan ini yang dibenarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa setelah dirundingkan dan dengan kelulusan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Jumlah Kumpulan Wang serta harta-harta Lembaga ini pada 31hb Disember, 1977 ialah \$3,810,624.32. Pendapatan dari pelaburan harta pada tahun itu juga ialah \$259,336.78.

Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini telah dan akan terus digunakan untuk tujuan yang terkandung di dalam Ordinan tersebut,

termasuk juga untuk membiayai pelajaran anak-anak pekerja India Selatan.

Jumlah yang dibelanjakan oleh Kumpulan Wang dalam tahun 1977 ialah \$305,027.03. Daripada jumlah ini Lembaga telah membelanjakan sebanyak \$90,503.70 untuk menyelenggarakan rumah orang-orang tua di Nibong Tebal dan sebanyak \$10,010.00 sebagai pemberian wang tunai kepada penghuni-penghuni rumah orang tua dan sebanyak \$2,634.70 sebagai bayaran menghantar balik pekerja yang berkehendakkannya ke India.

Lembaga juga telah membelanjakan wang untuk pelajaran anak-anak pekerja yang layak untuk menerimanya. Hingga sekarang kumpulan wang ini telah mengeluarkan sebanyak \$511,000 sebagai biasiswa dan sebanyak \$186,000.00 sebagai pinjaman pelajaran untuk anak-anak pekerja India Selatan melanjutkan pelajaran mereka di Universiti-universiti.

Untuk mendapatkan perincian serta butir-butir yang lebih lanjut mengenai perbelanjaan dan pendapatan kumpulan wang ini, Ahli Yang Berhormat itu bolehlah merujuk kepada Laporan Tahunan Kumpulan Wang itu yang dibentangkan di Dewan ini tiap-tiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 18 adalah diberi di bawah ini)*

## PENGANGGURAN

15. **Dr. Tan Tiong Hong** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang menganggur dan juga pecahan statistik atas lingkungan umur, jantina, latar belakang pelajaran dan pembahagian demografik.

**Tuan K. Pathmanaban:** Angka-angka yang lengkap tentang perkara-perkara yang disoalkan itu tidaklah dapat diberi pada masa ini, adalah diharapkan bahawa Kajian Semula Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat memberi gambaran yang lebih penuh mengenai perkara-perkara ini kelak.

Walau bagaimanapun, mengikut Penyiasatan Sampel Tenaga Buruh yang

dijalankan oleh Pejabat Perangkaan yang meliputi Semenanjung Malaysia sahaja, ciri-ciri pengangguran bagi tahun 1977 adalah seperti berikut:

(i) Anggaran bilangan pengangguran di Malaysia bagi tahun 1977 ialah 287,000 atau 6.2% dari jumlah tenaga buruh yang sebanyak 4,627,000.

(ii) Pengangguran mengikut umur	Kumpulan
15-19 tahun	15.6%
20-24 tahun	9.1%
25-29 tahun	4.8%
30-34 tahun	2.4%
35-39 tahun	2.4%
40-44 tahun	2.3%
45-49 tahun	3.2%
50-54 tahun	3.8%
55-59 tahun	5.2%
60-64 tahun	7.7%

(iii) Pengangguran Mengikut Jantina

Lelaki	5.4%
Perempuan	7.5%

(iv) Latar-belakang Pelajar Penganggur	Penganggur
Tiada Pelajaran Formal	4.3%
Sekolah Rendah	4.6%
Sekolah Menengah Rendah	9.3%
Sekolah Menengah Pertengahan	10.9%
Sekolah Menengah Atas	15.9%
Pengajian Tinggi	3.3%

## PENGANGGURAN

**16. Dr. Tan Tiong Hong** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apa langkah dan tindakan akan diambil oleh Kementeriannya untuk memenuhi keperluan tenaga rakyat memandangkan situasi pengangguran sekarang.

**Tuan K. Pathmanaban:** Mengikut kajian tenaga kerja yang telah dijalankan dalam tahun 1973, salah satu kesimpulan yang telah dibuat ialah adanya kekurangan tenaga kerja di dalam bidang iktisas, teknikal dan vokesyenal. Perkembangan ekonomi negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan 65,300 orang yang mempunyai kemahiran di dalam bidang-bidang ini sahaja.

Daripada 115,795 pencari-pencari pekerjaan yang mendaftarkan diri di Perkhidmatan Pekerja di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam bulan Jun, 1978, 91.6% daripada mereka itu tidak mempunyai latihan-latihan institutional atau apa-apa kemahiran tertentu yang membolehkan mereka itu mendapat pekerjaan dalam bidang-bidang kemahiran yang tertentu. Hakikat ini menunjukkan bahawa negara kita berkehendakkan lebih banyak tenaga kerja yang diberi latihan supaya projek-projek pembangunan dapat dijalankan dengan lancarnya. Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan yang positif untuk memenuhi keperluan tenaga rakyat di dalam kontek pengangguran dan keperluan negara. Pada masa ini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mempunyai dua buah Institiut Latihan Perindustrian, iaitu di Kuala Lumpur dan Prai. Mengikut kemampuan yang ada sekarang kedua-dua buah institiut ini hanya mampu melatih kira-kira 850 orang pelatih dalam satu masa. Kemampuan ini jelas tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga mahir yang dikehendaki oleh negara. Oleh hal yang demikian itu projek-projek untuk membesarkan kedua-dua institiut latihan perindustrian ini sedang dijalankan dan dijangka akan siap menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Rancangan pembesaran ini akan membolehkan kedua-dua institiut itu melatih kira-kira 1,060 orang pelatih dalam satu-satu masa. Di samping rancangan pembesaran untuk kedua-dua institiut yang ada itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat juga sedang membina tiga buah lagi Institiut Latihan Perindustrian yang baru yang akan ditempatkan di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Sabah. Ketiga-tiga Institiut Latihan Perindustrian ini adalah juga dijangka siap menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dijangka dengan siapnya rancangan-rancangan ini, lebih kurang 2,930 orang pelatih akan dapat dilatih oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam satu-satu masa.

Badan-badan yang lain juga, seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, MARA, LLN, JKR dan lain-lain sedang menjalankan latihan dalam bidang-bidang tertentu. Saya berharap dengan adanya kemudahan-kemudahan ini

maka sebahagian daripada keperluan tenaga rakyat yang diperlukan oleh negara akan dapat dipenuhi.

### PERUMAHAN—FAEDAH ATAS PINJAMAN

17. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbankan:

- (i) Pengecualian cukai kepada penghuni tuannya (owner occupiers) atas bayaran bunga; dan
- (ii) mengurangkan faedah ke atas pinjaman perumahan kerana ini akan membolehkan lebih ramai orang memiliki.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):**

- (i) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pelepasan cukai kepada penghuni/tuannya rumah atas faedah yang dikenakan atas pinjaman wang bagi mereka membeli rumah sendiri. Pelepasan cukai sedemikian akan hanya memberi faedah yang lebih kepada pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan tinggi dan mampu membeli rumah yang mahal dan kemudian mendapat pengecualian dari kadar cukai sut yang tinggi (marginal tax rate). Sebaliknya golongan yang berpendapatan rendah mungkin tidak dapat apa-apa menfaat daripada langkah ini oleh sebab ramai di antara mereka membayar cukai pendapatan mengikut kadar yang rendah atau tiada membayar cukai pendapatan sama sekali. Oleh yang demikian, langkah yang dicadangkan tidak memberi menfaat yang sama rata kepada semua golongan pembayar cukai, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah sistem percukaian di Malaysia, nilai sewa rumah kediaman tidak diambil kira kepada semua pendapatan seseorang bagi mentaksir cukainya. Ini adalah serupa dengan memberi pengecualian atas pendapatan rumah itu.
- (ii) Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, di dalam Ucapan Belanjawan tahun 1979 pada

20hb Oktober, 1978 di Dewan ini, Y.B.M. Menteri Kewangan telah sebutkan bahawa sungguhpun sistem ditetapkan kadar faedah ditentukan oleh satu-satu bank, tetapi faedah maksima pinjaman perumahan oleh orang perseorangan akan terus ditentukan atau diperaturkan oleh Bank Negara. Berkuatkuasa dari 23hb Oktober, 1978 kadar faedah maksima pinjaman perumahan yang tidak melebihi \$100,000 ialah 9% setahun. Selain daripada itu untuk mereka yang berpendapatan rendah, Kerajaan juga ada mempunyai sekim-sekim rumah kos rendah yang diusahakan oleh Kerajaan melalui Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang mengenakan kadar faedah pinjaman sebanyak 5.5% setahun dan tempoh bayaran balik telah dilanjutkan dari 20 tahun kepada 25 tahun.

Adalah nyata Kerajaan telah membuka peluang yang luas kepada orang ramai khususnya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah mereka sendiri. Justru itu, Kerajaan berpendapat faedah ke atas pinjaman perumahan yang dikenakan sekarang ini amatlah berpatutan.

### DOKTOR-DOKTOR DARI UNIVERSITI MALAYA

18. **Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor-doktor lepasan tempatan sejak Merdeka;
- (b) berapa bilangannya di antara mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan;
- (c) bilangan doktor-doktor yang berkhidmat di negara ini dari negara asing, dan
- (d) bilakah doktor-doktor tempatan dapat memenuhi perkhidmatan perubatan di negara ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):**

- (a) Sebenarnya, doktor-doktor lepasan tempatan cuma dikeluarkan oleh

Fakulti Perubatan, Unviersiti Malaya bermula dari tahun 1969. Hingga kini sejumlah 1,041 orang doktor telah dikeluarkan.

- (b) Mengenai soalan (b), Kementerian ini tidak dapat memberikan bilangan sebenar doktor-doktor lepasan dari Fakulti Perubatan Unviersiti Malaya yang terus berkhidmat dengan Kementerian ini sejak tahun ini. Ini ialah disebabkan sebelum dari tahun 1971 mereka tidak dikenakan syarat perkhidmatan wajib selama 2 tahun dengan Kerajaan. Kemudian, mulai dari bulan Oktober 1976 pula, syarat perkhidmatan wajib ini telah ditambah menjadi 3 tahun. Pada masa ini terdapat 461 orang doktor-doktor lepasan tempatan yang masih berkhidmat di Kementerian Kesihatan.
- (c) Bilangan doktor-doktor asing yang berkhidmat di negara ini ialah 214 orang.
- (d) Mengenai soalan (d) pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sejumlah 1,690 perjawatan dalam tahun ini untuk pegawai prubatan, tetapi hanya 968 sahaja telah diisikan pada masa ini. Adalah dijangkakan bahawa dengan adanya graduan-graduan yang akan keluar dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan mulai dari tahun hadapan, juga dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan, kekurangan doktor ini lama kelamaannya akan dapat diatasi. Disamping doktor-doktor lulusan tempatan, kita juga melantik doktor-doktor lulusan dari luar negeri. Dukacitanya saya tidak dapat menyatakan di sini bilakah doktor-doktor tempatan dapat memenuhi perkhidmatan perubatan di negara ini.

## USUL

### ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Dr. Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus membincangkan sekarang perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus membincangkan sekarang perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb November, 1978).

DAN

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah dituntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (3hb November 1978).

**Tuan Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari akhir bagi membahaskan masaalah yang ada di hadapan Majlis ini dan mengikut nama-nama yang saya

catitkan dalam ingatan saya di sini ada 9 orang yang telah bangun pada minggu yang lepas untuk bercakap. Saya tidak tahu berapa lagi yang akan bangun pada hari ini. Jadi kita ada kurang lagi daripada 180 minit sahaja sebelum Dewan ini ditangguhkan pada pukul 6.30 petang ini. Oleh sebab itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyampaikan perbahasannya cuba ringkaskan perbahasan itu kepada perkara-perkara besar untuk memberi peluang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengambil bahagian. Dan saya akan utamakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dapat peluang bercakap pada masa membahaskan Usul menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan utamakan Ahli Yang Berhormat yang belum dapat peluang bercakap lagi terutama kepada Ahli Yang Berhormat yang masih belum membuat ucapan sulungnya, itu yang akan saya utamakan lebih daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Pada masa ditangguhkan Dewan ini pada hari Jumaat 3 haribulan yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah baru bercakap selama 7 minit. Jadi saya berjanji akan memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya. Sila teruskan.

3.41 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Saya ingin menyentuh pula sedikit mengenai penyalahgunaan dadah. Sudah banyak diperkatakan mengenai penyakit masyarakat ini samada di Dewan yang mulia ini atupun di mana-mana sahaja. Saya menyanjung tinggi langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan setakat ini samada di segi undang-undang atupun lain di dalam usaha hendak memerangi penyakit masyarakat ini. Namun demikian, keadaannya masih lagi merunsingkan.

Kita sedia maklum mengenai pengalaman-pengalaman sejarah bahawa dadah di dalam jangka masa panjang kepada sesuatu umat atupun sesuatu negara, sangat menakutkan.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka usaha-usaha yang lebih positif dan serius hendaklah dikerahkan untuk memerangi penyakit masyarakat ini.

Di sini saya suka mengemukakan beberapa perkara di dalam masalah ini:

(a) Peruntukan kepada badan-badan atau agensi-agensi yang secara langsung atupun tidak langsung yang terlibat memerangi dadah hendaklah ditambah. Umpamanya, anggaran peruntukan sebanyak \$1,751,200 itu bagi tahun 1979 untuk Pusat Biro Narkotik jelas jauh daripada mencukupi. Manakala Kementerian Kebajikan Am pula berkemampuan untuk menampung seramai hanya 633 orang sahaja di empat Pusat Pemulihan Dadah pada sesuatu masa yang berkenaan. Peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebajikan Am sebanyak \$6,557,550 untuk Perkhidmatan Pemulihan Akhlak yang termasuk di dalamnya:

(a) Sekolah Akhlak;

(b) Rumah Tahansentara/Asrama Akhlak;

(c) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis;

(d) Bantuan Wang Kebajikan;

selain daripada Pusat Pemulihan Dadah juga adalah jauh daripada mencukupi.

(b) Kementerian Pelajaran dengan kerjasama badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah menubuhkan satu unit yang khas untuk memerangi penyalahgunaan dadah di peringkat sekolah-sekolah. Pegawai-pegawai hendaklah dilantik untuk melaksanakan perkara ini di peringkat negeri dan daerah dan juga guru-guru kerjaya di setiap sekolah hendaklah diberi tugas ini di peringkat sekolah masing-masing.

(c) Pemeriksaan doktor hendaklah diwajibkan kepada setiap warganegara. Buat permulaannya semua kakitangan Kerajaan dan murid-murid sekolah mungkin dimulakan dengan murid-murid sekolah menengah dahulu hendaklah diperiksa.

- (d) Pusat atau Pusat-pusat Tahanan hendaklah diadakan bagi penagih-penagih dadah dengan tujuan untuk memisahkan mereka daripada masyarakat. Pusat-pusat Tahanan Pemulihan ini kalau boleh diadakan di pulau-pulau seperti bentuk di Pulau Jerjak umpamanya.
- (e) Undang-undang hendaklah diwujudkan untuk membolehkan penagih-penagih dadah sama juga salahnya seperti pengedar dadah yang bersalah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini bilangan orang-orang yang terlibat dengan dadah ini nampaknya berada di paras yang dapat kita membendungnya. Segala sesuatu yang serius hendaklah dijalankan. Kalau kini lembu kerbau di Kelantan yang mengidap penyakit mulut dan kuku terpaksa dihapuskan yang sebenarnya dibunuh, Tuan Yang di-Pertua, maka demi untuk menyelamatkan masa depan negara dan umat kita cara-cara yang lebih berkesan dan tegas hendaklah dijalankan segera sebelum keadaan menjadi terlalu buruk hingga tidak terbendung lagi kepada masalah dadah ini. Saya tidak mencadangkan masalah penagihan dadah ini dibuat seperti kepada lembu kerbau di Kelantan; jauh sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Belanjawan tahun 1979 ini, saya suka mengaturnya tahniah kepada Kerajaan kerana sekali lagi telah memberi peruntukan yang banyak kepada Kementerian Pelajaran iaitu sebanyak \$1,678,460,320 untuk Belanja Mengurus dan \$421,723,270 untuk Belanja Pembangunan. Kita sedar betapa besarnya peranan pelajaran di dalam sesebuah negara terutama sekali sebuah negara yang sedang membangun dan berbilang kaum seperti Malaysia.

Di dalam soal ini satu Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti yang kita punyai di Malaysia kini betapa perlunya diikuti dan dipatuhi tidak dapat dipertikaikan lagi. Kegagalan kita dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini bererti kita akan gagal untuk meletakkan suatu asas yang kukuh bagi satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan

akan terus dengan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini walaupun ada sekali sekala timbulnya permintaan atau desakan sumbang yang menyeleweng daripadanya. Matlamat kita hendak memulakan pengajaran di dalam Bahasa Malaysia di tahun pertama di universiti-universiti tempatan di dalam semua jurusan pengajian hendaklah jangan diganggu-gugat dengan perasaan yang tertentu pada tahun 1983 nanti. Ini rasa saya akan menjadi satu pertanda baik pada masa akan datang semua bahasa pengantar di sekolah-sekolah kita ialah melalui Bahasa Malaysia sahaja, kecuali di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil sepertimana yang terdapat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua fahami bahawa hanya melalui satu pendidikan yang sama, pengetahuan bahasa yang sama dapat kita membentuk satu masyarakat yang bersatupadu. Kita sedar bahawa soal pelajaran sangat penting. Maka saya berseru kepada Kerajaan supaya berhati-hati di dalam soal ini supaya matlamat kita untuk membentuk satu masyarakat yang bersatupadu. Kerajaan tidak membenarkan penubuhan sebarang Pusat Pengajian Tinggi (Tertiary Education) daripada pihak swasta sehingga ke satu masa yang difikirkan mustahak. Sekiranya diperlukan sebarang penambahan kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang ada pada masa ini maka ianya hendaklah menjadi tanggungjawab Kerajaan sendiri. Di samping itu saya berharap pihak Kerajaan sentiasa memerhatikan keadaan yang wujud di sekolah-sekolah swasta yang ada pada hari ini agar ianya tidak disalahgunakan untuk tujuan-tujuan yang lain yang bertentangan dengan semangat yang dikehendaki oleh negara dan masyarakat di negara ini.

Sambil di bawah tajuk pelajaran ini, saya suka membawa sedikit perhatian Kerajaan kepada sekolah-sekolah luarbandar. Banyak telah diperkatakan tentang kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah luarbandar. Oleh sebab keadaan di setengah-setengah sekolah tidak memuaskan maka pihak Kerajaan hendaklah memandangnya dengan lebih berat lagi. Yang pertama, syarat-syarat hendak mendapatkan kakitangan sekolah di luar bandar terutama sekali sekolah-sekolah

yang jauh terpencil jaraknya daripada bandar-bandar janganlah hendaknya disamakan dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada sekolah-sekolah di dalam bandar ataupun sekolah-sekolah yang berhampiran dengan bandar.

Yang kedua, insentif-insentif yang tertentu hendaklah diberi kepada guru-guru yang ditugaskan ke sekolah-sekolah yang terpencil supaya mereka tidak merasa yang mereka dibuang daerah yang mana kesan daripada suasana tersebut akan dirasai oleh murid-murid sekolah yang berkenaan. Di antara insentif-insentif yang boleh difikirkan ialah mengenai mengadakan elaun khas berkhidmat di tempat-tempat yang terpencil dan rumah-rumah guru disediakan tanpa sewa kepada mereka yang berkenaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kini Kementerian Pelajaran sedang memberi makanan pagi samada berupa nasi lemak, mee atau sebagainya kepada murid-murid sekolah rendah. Ini patut dipuji. Hanya patut ditambah di dalam soal ini ialah setiap murid sekolah rendah di luarbandar terutama di sekolah-sekolah luarbandar yang jauh daripada bandar-bandar yang saya sebutkan tadi hendaklah diberi makan semuanya pada tiap-tiap hari.

Janganlah kita mengadakan jamuan untuk sebilangan murid yang tertentu sahaja dalam bandar. Perkara ini, mungkin, tetapi untuk di luarbandar semua kanak-kanak hendaklah diadakan peruntukan makan pada tiap-tiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di setengah-setengah sekolah guru-guru dan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) terpaksa mengadakan perbelanjaan tambahan untuk menampung kanak-kanak yang tidak ditampung oleh pihak Jabatan Pelajaran ini. Alhamdulillah, kepada sekolah-sekolah dan guru-guru yang dapat mengadakan perkara ini tetapi sekolah-sekolah yang dhaif di kawasan-kawasan yang dhaif, Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) yang dhaif maka malanglah bagi mereka itu tidak dapat menampung kekurangan yang sepatutnya ditampung oleh Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyanjung tinggi usaha Kerajaan di dalam pembangunan. Semenjak merdeka kita dapat banyak perubahan-perubahan fizikal kepada negara ini. Hanya di dalam proses pembangunan kadang-kadang terdapat kelewatan yang tidak sepatutnya berlaku. Misalnya mengenai pembangunan sebuah Hospital Daerah di kawasan saya di Tanah Merah Kelantan. Hospital yang dijangka menelan belanja sebanyak \$3.5 juta itu dimulakan kerja-kerjanya sejak tahun 1973 lagi. Tetapi setakat ini kemajuannya baharu 12.5% seperti perangkaan yang telah diberi oleh Yang berhormat Timbalan Menteri Kesihatan iaitu perangkaan setakat 30hb September, 1978. Dan mengikut jawapan Timbalan Menteri Kesihatan pada satu soalan di dalam hal ini di Dewan ini pada 27hb Oktober, 1978, kerja-kerja tanah setakat ini (30hb September, 1978) hanya setakat 80% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh projek ini ialah di antaranya kontraktor yang pertama telah terpaksa ditamatkan perkhidmatannya kerana tidak dapat meneruskan kerja-kerjanya. Selain daripada terdapat batu-batu besar di tapak hospital itu sendiri, tapak hospital ini ialah di atas sebuah bukit. Jadi sepatutnya sebelum ia dipilih menjadi tapak hospital, maka hendaklah dijalankan ujian yang rapi. Mungkin soal test tidak dapat dijalankan kerana hospital ini terlalu kecil dan hanya satu tingkat sahaja. Sepatutnya kalau hendak dibuat sesuatu bangunan, terutama sekali di atas bukit patut diadakan soil test dahulu. Dan kalau ini belum lagi menjadi amalan maka saya dengan segala hormatnya mengesyorkan supaya ini dijadikan amalan kepada Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penglihatan saya sendiri, setelah saya melawat ke tapak itu dua minggu lepas, maka nampaknya masalah batu yang ada di atas bukit yang menjadikan tapak hospital ini belum lagi dapat diatasi. Saya khuatir kegendalaan juga akan berlaku dalam masalah ini pada masa yang akan datang. Saya dengan sesungguhnya meminta supaya pihak Kementerian Kesihatan dan lain-lain ejensi yang terlibat supaya memikirkan sekali

lagi agar adanya kemungkinan tapak hospital ini dipindahkan ke tempat lain. Di Tanah Merah banyak lagi kawasan lain yang tidak berbukit seperti tapak yang diusahakan sekarang di atas bukit itu. Dari perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan dari masa yang telah diambil dengan prestasi hanya 12.5% dan memandangkan kemungkinan masa yang akan diambil untuk menyiapkan ditapak sekarang, rasanya belum lagi terlewat, untuk mengkaji semula masalah tapak hospital tadi.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya membawa suatu contoh lagi pelaksanaan projek yang tergendala ataupun lewat iaitu mengenai pembinaan sebatang jalan di antara Kuala Trengganu dengan Kota Bharu, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengembara dari Kuala Trengganu ke Kota Bharu dalam setahun ini bahkan pada hari ini kita akan bertemu sebatang jalan di tempat bernama Kampung Buluh. Daripada Kampung Buluh ini satu jalan sepanjang 5 batu dibuat serentak. Dan berkebetulan pada dua minggu lepas, saya sendiri melalui jalan ini dan saya dapati kerja-kerja jalan ini boleh dikatakan hampir-hampir stand still kerana sejauh lima batu itu hanya terdapat satu sahaja loji yang sedang buat kerja. Loji ini ialah grader yang bertugas untuk menyapu segala lumpur-lumpur yang ujud di atas jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang hendak saya bangkitkan di sini ialah sepatutnya dikaji dahulu, adakah pihak JKR ataupun pihak-pihak yang berkenaan yang mengendalikannya projek ini berkemampuan untuk mengadakan jalan ini 5 batu serentak. Kalau tidak berkemampuan, maka hendaklah dibuat sedikit demi sedikit kerana jalan ini berbeza dari jalan Kuala Lumpur-Karak Highway. Sementara jalan Kuala Lumpur-Karak Highway ini adalah merupakan satu jalan yang baharu dan tidak mengganggu traffic yang melalui jalan itu. Dan tambahan lagi jalan ini kontraktornya bertaraf antarabangsa. Maka prestasi kontraktor antarabangsa ini sepertimana dimaklumkan adalah jauh melebihi prestasi kontraktor ataupun kerja-kerja daripada pihak tempatan.

Jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu jalan yang terpaksa digunakan. Di

dalam masalah ini juga terpaksa dibuat sejauh 5 batu. Sepatutnya dibuat sebatu, dua batu dan sebagainya dan saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya pada masa yang akan datang sebelum tender ataupun kontrak itu dikeluarkan kepada mana-mana pihak, hendaklah dikaji dahulu samada pihak itu berkemampuan atau tidak supaya tidak mengganggu kesenangan perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keselamatan, ingin saya menyokong di atas peruntukan kepada keselamatan pada tahun 1979, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Petaling dalam ucapan di Dewan ini pada 23hb Oktober, 1978 bersungut bahawa peruntukan ini sangat tinggi kononnya.

Soal keselamatan adalah soal yang penting bagi sesebuah negara. Adalah tidak boleh dinafikan, tidak ada gunanya rancangan-rancangan lain yang besar-besar kalau soal keselamatan tidak terjamin. Bagi saya, kalau perlu, boleh kita tambahkan lagi peruntukan di bidang keselamatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sambil di dalam soal keselamatan ini saya hendak menyentuh mengenai Ikatan Relawan Rakyat (RELA). Saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana setakat 31hb Mac, 1978 telah menubuhkan Unit Rela dengan anggotanya berjumlah 253,606 orang. Apa yang saya hendak mencadangkan di sini ialah pihak Kementerian yang bertanggungjawab hendaklah:

- (a) membekalkan senapang patah kepada setiap Unit Rela di kawasan sempadan dan kawasan-kawasan keselamatan, 10 laras ataupun sekurang-kurangnya 8 laras bagi satu Unit yang anggotanya terdiri daripada 10 orang tiap-tiap unit.
- (b) Kursus-kursus untuk RELA khasnya kursus-kursus dalam soal undang-undang untuk menolong mereka menjalankan kerja bakti mereka dan latihan menembak hendaklah diadakan.
- (c) Bekalan peluru (penabur) kepada anggota RELA hendaklah cukup sesuai dengan keadaan tempat mereka tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi rekod-rekod yang kita ketahui peranan RELA terutama sekali di kawasan sempadan

nampaknya sangat penting dari segi keselamatan. Masanya sudah tiba bagi RELA ini diberi peranan yang lebih untuk menjadi satu barisan belakang yang berkesan dan sentiasa bersiap sedia untuk mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya telah menyentuh berkenaan dengan perbelanjaan bagi pembangunan ekonomi termasuk pembangunan pertanian dan luarbandar. Di dalam pembangunan pertanian dan luarbandar ini saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya memerhati akan keadaan kampung-kampung kecil yang terbiar. Kampung-kampung yang terdiri daripada 20 atau 30 buah rumah letaknya jauh daripada kampung-kampung yang besar yang boleh dibekalkan dengan bekalan letrik luarbandar dan lain-lain kemudahan hidup. Saya berharap kajian hendaklah dibuat mengenai kampung-kampung yang seperti ini dan patutlah kampung-kampung seperti ini dikumpulkan penduduknya di satu kawasan yang membolehkan rancangan-rancangan kemudahan ekonomi dan sosial dibawa kepada mereka.

Di dalam kawasan saya, terdapat beberapa buah kampung yang seperti ini yang kalau dilihat dari dekat sangat menyedihkan. Saya yakin selain daripada faktor sosial dan ekonomi dari segi keselamatan juga amat perlu sekali kampung-kampung tersebut disusun kembali mengikut cadangan-cadangan di atas tadi. Hakikat ini lebih jelas lagi apabila mengenangkan bahawa bagi beberapa kampung dalam kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan pihak Kerajaan sedang mengatur untuk memindahkan kampung ini kerana kampung mereka itu sentiasa ditenggelami banjir. Jadi sambil memindahkan kampung-kampung yang sentiasa ditenggelami banjir ini, maka kampung-kampung tersebut tadi hendaklah diambil kira sama.

Sambil bercakap mengenai luar bandar, saya ingin menyentuh sedikit tentang jalan-jalanraya yang terpaksa melalui estet-estet atau ladang-ladang. Di dalam kawasan saya, Tanah Merah, Kelantan terdapat beberapa kampung yang terpaksa menggunakan jalan-jalan yang melalui estet-estet untuk berhubung ke tempat-tempat lain. Saya suka

mengucapkan terima kasih kepada pihak estet-estet yang berkenaan kerana membenarkan penduduk-penduduk di sini melalui estet-estet mereka tanpa mengira masa dan keadaan. Apa yang hendak saya sebutkan di sini, nampaknya jalan-jalan tersebut hanya sesuai untuk estet-estet sahaja. Memangnya tujuan asal ianya diadakan hanya untuk estet-estet sahaja dan mungkin tidak pernah difikirkan untuk orang-orang di luar estet. Tetapi keadaannya sangat tidak memuaskan untuk perhubungan yang lebih jauh daripada untuk kegunaan dalam estet sendiri. Saya berharap pihak Kerajaan akan berunding dengan pihak estet dan kalau boleh Kerajaan hendaklah menolong estet-estet yang berkenaan untuk membina jalan-jalan tersebut supaya ianya baik dan senang dilalui.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*Mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah lebih baik kalau jalan-jalan ini kita baik, kita tar supaya ianya menyenangkan perhubungan pihak-pihak yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin** menyentuh tentang Bulan Dakwah dan hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana akan melancarkan Bulan Dakwah mulai bulan Muharram, 1399 ini nanti. Saya berharap Bulan Dakwah ini, insya Allah moga-moga, akan membuka satu lambaran baru dan bersejarah kepada penduduk Islam di negara ini khasnya dan kepada seluruh umat di negara ini amnya moga-moga dengan pelancaran Bulan Dakwah dan dengan adanya berbagai-bagai aktiviti yang akan dijalankan dalam Bulan Dakwah sepanjang bulan Muharram tahun ini, saya berharap rakyat yang beragama Islam akan lebih mirip kepada soal-soal keagamaan dan saya harap juga kita akan dapat mendalami lagi mengenai soal-soal keagamaan. Insya Allah dengan ini segala perkara yang akan datang menyerang kita samada yang berbentuk komunisma ataupun dadah akan dapat kita bendung dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah keagamaan ini saya berharap Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri diperbesar dan diperlengkapkan lagi supaya ianya ini dapat

menerbitkan banyak lagi risalah-risalah yang saya harap akan dapat disebarikan bukan sahaja kepada pihak-pihak yang disebarikan hari ini, tetapi juga risalah-risalah ini hendaklah disebarikan kepada sekolah-sekolah, sekurang-kurangnya bagi tiap-tiap kelas di sekolah itu mempunyai satu risalah berkenaan, juga kepada pihak-pihak yang lain. Di samping itu sekiranya kita dapati ada projek-projek yang lain yang difikirkan mustahak oleh para ulama atau pihak-pihak yang berkenaan, maka ini dapat disebarikan dengan adanya peruntukan yang lebih, dengan adanya pembesaran Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.05 *ptg.*

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah bermurah hati memberi peluang kepada saya untuk bercakap pada hari yang terakhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini telah menerima bermacam-macam pentafsiran dari bermacam-macam golongan. Ada yang mensifatnya sebagai belanjawan manis, ada pula yang menamakannya belanjawan subsidi, lebih-lebih lagi yang mengisytiharnya sebagai belanjawan hadiah Deepavali. Bagi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Belanjawan tahun ini ialah Belanjawan untuk mewujudkan Malaysia gembira, yang bersatu, bangga dan gagah. Maka satu peruntukan yang lebih besar dari biasa telah dicadangkan sebagaimana yang ditetapkan iaitu sejumlah wang sebanyak \$13,570 juta akan dibelanjakan bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan dengan satu ikrar lagi yang belanja pembangunan akan ditambah apabila kajian semula pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ketiga selesai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun perhitungan dan perancangan dibuat yang mustahaknya ialah semua perbelanjaan dan rancangan hendaklah membayangkan sekurang-kurangnya kepuasan segenap lapisan rakyat jelata yang telah memberi kepercayaan kepada pemerintahan sekarang

ini. Saya tidak fikir dengan pelepasan bagi anak-anak yang dicadangkan sekarang ini dapat memberi kebahagiaan hidup sebahagian besar orang-orang yang berpendapatan tetap seperti pegawai-pegawai Kerajaan dan sebagainya yang kebetulan merekalah jentera pergerakan negara ini. Kerajaan hendaklah memahami dengan mendalamnya sebelum melakukan sesuatu apa yang dikehendaki oleh rakyat dan sungutan mereka adalah amat wajar sekali. Umpamanya, orang yang mempunyai anak lebih daripada lima, orang yang mempunyai tanggungan yang sebenarnya seperti ibu dan bapa yang sudah tua yang tidak mempunyai pendapatan sendiri, cucu yang terpaksa dipelihara dari kematian ayah dan ibu atau oleh sebab-sebab yang lain, semuanya hendaklah diperhitungkan dengan seriusnya sebelum membuat ketentuan bagi pelepasan berhubung dengan cukai pendapatan.

Menurunkan cukai impot ke atas TV, alat-alat solek dan buah-buahan tentu sekali tidak banyak memberi pertolongan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah sebagai kaum buruh, petani-petani dan nelayan-nelayan yang semuanya tidak pernah terlintas untuk membeli dan memakan buah-buahan seperti epal dan sebagainya melainkan di waktu-waktu yang tertentu mereka ini memakan buah-buahan daripada yang diimpot bukan sebagai luxury bahkan sebagai untuk memuaskan hati di waktu hendak mati ataupun waktu sakit. Apa yang diperlukan oleh golongan-golongan ini ialah bagaimana dapat mereka mendapat dan mengadakan barang-barang keperluan hari-hari dengan lebih murah dan berzat seimbang dengan pendapatan mereka yang serba dhaif itu. Kerajaan tentu sekali tidak boleh berbangga dengan pendapatan per kapita rakyat jelata dengan cara menjumlahkan semua pendapatan kaya dan miskin, kemudian dibahagikan angkanya sama-rata. Ini menipu diri namanya, walhal pendapatan sebenar rakyat jelata yang dinamakan nelayan, petani dan buruh semuanya adalah di bawah kemampuan untuk hidup dan kepada golongan inilah sepatutnya diberi perhatian yang lebih kalau cita-cita membina dan mewujudkan Malaysia gembira, bersatu, megah dan gagah.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang sebanyak \$1,924 juta kira-kira 1/5 dari

peruntukan tahun ini dicadangkan untuk keselamatan. Memang wajar dan patut kita memberi kepujian kepada Kerajaan yang mengambil perhatian berat terhadap keselamatan negara. Keselamatan bererti keamanan, keamanan bererti kesejahteraan maka rakyat akan hidup dengan selamat dan gembira. Keselamatan dari serangan dari luar hendaklah dipertahankan dengan segala alat yang moden. Kelengkapan untuk mempertahankan negara dari serangan musuh dari luar mestilah dilengkapi dengan seluruh senjata moden, kita mahu tentera kita menggunakan alat-alat yang up-to-date. Keselamatan dari ancaman musuh dalam negeri mestilah mendapat perhatian yang serius juga. Saya berasa hairan kenapakah kita telah mengambil masa yang agak lama untuk membenters kominis, tetapi mereka tetap bermaharajalela sampai sekarang ini. Tentera-tentera kita diserang hendap, di booby trap dan sebagainya, maka satu kajian hendaklah dilakukan dengan seberapa segera, kalau tidak, lambat-laun negara kita ini akan terjerumus ke dalam keadaan yang tidak aman dan tenteram.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan berhubung dengan apa yang akan terjadi di masa hadapan ini. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, jiwa dan semangat ketenteraan akan luput dari anak-anak negara kita kalau satu tindakan yang drastic tidak diambil.

Kita sama-sama melihat dan kita telah mendengar banyak anggota-anggota tentera kita telah dimusnahkan oleh komunis-komunis dalam hutan, bukan sahaja musnah, menghabiskan keanggotaan, merosakkan anggota-anggota mereka yang mereka ini tidak akan jadi sebagai manusia yang berfaedah kepada diri mereka pada masa yang akan datang, lebih-lebih lagi kepada negara dan mereka ini tidak mendapat perhatian yang berat atau yang baik daripada pihak Kerajaan. Oleh itu, satu tindakan mestilah diambil oleh Kerajaan supaya keseluruhan anggota-anggota keselamatan mestilah dijamin betul-betul mahupun di waktu peperangan, lebih-lebih lagi pada waktu sebelum perang dan sesudah perang, di waktu kerja dan selepas dari bersara. Pendek kata anggota-anggota Pasukan Keselamatan ini mestilah diberi segenap kemudahan layanan hidup setiap masa. Kalau mereka

mendapat kecederaan, jaminan hidup mereka mestilah disediakan, begitu juga jaminan hidup keluarga mereka mestilah dijamin kalau kita tidak ingin menerima kekeringan semangat ketenteraan di masa yang akan datang yang mana ini adalah menjadi pokok pangkal kehidupan sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira  $\frac{1}{3}$  atau \$2,758 juta telah disediakan untuk perkhidmatan kebajikan masyarakat termasuk perkhidmatan pelajaran yang disediakan sebanyak \$1,943 juta dan perkhidmatan kesihatan sebanyak \$650 juta. Kerajaan tentu berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah dijalankan selama ini dan kadang-kadang berbangga pula dengan perkhidmatan tersebut tanpa memperhitungkan dengan sebenarnya. Yang sebenarnya perkhidmatan kebajikan masyarakat yang saya sebutkan tadi yang sedang dijalankan sekarang ini lebih menguntungkan sebilangan yang kecil bagi penduduk-penduduk dalam negara kita ini. Secara tegas, semuanya adalah melingkungi kedaerahan yang tertentu semata-mata. Bagi penduduk-penduduk bandaraya, tetapi bagi penduduk-penduduk luar bandar belum lagi merasai nikmat yang sebenarnya. Penduduk luar bandar secara kebetulan ialah bumiputra yang selama ini telah ditinggal dan dalam ketinggalan sejak dari masa penjajah sampai sekarang ini.

Saya tidak menafikan yang sekarang ini serba sedikit telah disediakan untuk penduduk-penduduk luar bandar. Mereka ada jalanraya tetapi jalan mereka bertanah merah; mereka disediakan sekolah untuk anak-anak mereka tetapi sekolah mereka tidak cukup kelengkapan alat-alat pelajaran lebih-lebih lagi guru-guru yang tidak terlatih; mereka ada mempunyai pusat-pusat kesihatan tetapi tidak mempunyai doktor yang pakar dan sebagainya. Ini semuanya membawa satu perasaan yang mencubit hati nurani sebahagian besar rakyat negara ini. Semuanya ini mestilah diambil perhitungan, diambil ingatan selagi keadaan-keadaan ini tidak diseimbangkan tentu sekali cita-cita mewujudkan Malaysia gembira, bersatu, megah dan gagah adalah perkara impian semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan apa

yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Mereka yang memikir untuk membiayai usaha-usaha pembangunan tidak payah meminjam sebagai berfikir macam Pak Pandir. Bererti Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengatakan bagi mereka yang memikir untuk membuat pembangunan tidak perlu meminjam itu adalah pemikiran Pak Pandir. Saya yakin tidak ada orang yang memikir sebegitu rupa. Apa yang ada sekiranya kalau boleh biarlah kita meminjam dengan satu cara dan kaedah yang lebih menguntungkan kita. Meminjam kepada institusi-institusi kewangan yang biasanya mengenakan faedah-faedah tertentu, tentu sekali memberatkan kita sendiri, kenapakah tidak kita halakan ke arah dunia yang kita fikir dapat memberi pinjaman kepada kita dengan cara yang lain, kenapakah tidak kita berjinak-jinak dengan apa yang dinamakan konsep Bank Pembangunan Islam, kenapakah tidak kita berjinak-jinak dengan negara Timur Tengah yang kaya dengan wang minyak untuk mendapat pinjaman dengan cara-cara yang boleh menjauhkan kita dari menanggung tekanan faedah. Ini patut difikirkan dengan wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan pelaksanaan Undang-undang dalam negara kita ini. Kita ke Dewan ini saban waktu membuat undang-undang, kadangkala kita membuat undang-undang baru, setidak-tidaknya meminda undang-undang yang telah ada, yang tidak kuat, dikuatkan dan yang kurang lengkap, dilengkapkan untuk menjamin keselamatan sosial dan sebagainya, namun begitu adanya lagi banyak undang-undang yang diluluskan lagi banyak jenayah dilakukan. Rompak-merompak, bunuh-membunuh, tipu-menipu, rogol-merogol, rasuah, hisap dadah dan lain-lain berlaku sehari-hari, seolah-olah menjadi lumrah alam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa, mengikut pentaksiran dan mengikut kajian tidak kurang dari 150,000 orang mengidap penyakit dadah ini. 150,000 orang itu siapa dia, kaum mana? Kaum bumiputra. Ini amat serius. Perlu difikirkan benar-benar, diambil perhatian dengan serius. Adakah ini bererti undang-undang yang dibuat dan diwujudkan oleh pemikiran manusia telah tidak sanggup

lagi membenteraskan segala-gala kejahatan dan kemusnahan terhadap kepentingan manusia? Kalau itu, tidakkah patut kita kembali ke arah melaksanakan hukum-hukum Allah yang terang-terang sanggup memberikan segala-gala kepentingan manusia sebagai manusia sebagaimana kita semua maklum Islam menjamin keselamatan ummah ini jugalah yang akan menjadi tema bagi Bulan Dakwah yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2hb Disember nanti. Islam menjamin keselamatan ummah. Ummah, Tuan Yang di-Pertua, bukan orang Islam sahaja, seluruh manusia di atas muka dunia ini. Kalau kita sudah memikirkan undang-undang diciptakan oleh manusia ini sudah "fail", sudah tidak lagi dapat menjamin keselamatan manusia, kenapakah tidak kita kembali kepada menjalankan undang-undang yang ditentukan oleh Tuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit berkenaan dengan Kerajaan berjiwa rakyat, saya amat kesal berhubung dengan tindak-tanduk pemerintahan sekarang yang seolah-olah melaksanakan kerja dengan mengenyepikan segolongan manusia yang dianggapkan musuh politiknya sedangkan pemerintahan mengetahui dengan mengenyepikan golongan-golongan ini bererti membincangkan pentadbiran Kerajaan itu sendiri dan hasil dari tindak-tanduk itu akan meluaskan jurang perbalahan antara satu sama lain sebagaimana yang berlaku di luar-luar bandar sekarang ini. Rancangan-rancangan Kerajaan yang diuntukkan bagi seluruh rakyat telah menjadi rancangan bagi satu golongan yang tertentu semata-mata, tidakkah terfikir bagi pihak Kerajaan yang semuanya rakyat dalam negara ini berhak mendapat habuan dari pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian apa yang telah terjadi pada 19hb Oktober yang lalu di dalam Dewan ini. Sebagaimana kita semua maklum sebelum daripada itu kita memulakan acara Dewan kita dengan satu doa yang lengkap yang mengikut kehendak-kehendak Aturan dan Peraturan Mesyuarat kita tetapi sedihnya kita telah melarikan diri dari mendapat keberkatan dari Allah dalam kerja-kerja kita dengan meninggalkan membaca "Bismillah" dipermulaan doa kita. Apakah ini arahan

daripada pemerintahan atau apa? Kita sedar sabda Nabi Muhammad s.a.w.: Satu-satu kerja yang tidak dimulakan dengan Bismillah adalah tidak berkat. Marilah kita mula semula dengan membaca Bismillah, moga-moga kita diberkat Allah, moga-moga kita dalam peliharaan Allah.

4.20 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 20hb Oktober, 1978 yang lalu. Kecuali pihak Pembangkang dan sukusakatnya, rakyat keseluruhannya merasa lega dan berpuas hati dengan Belanjawan yang telah dikemukakan itu.

Bagi pembayar-pembayar cukai pendapatan yang mempunyai ramai anak-anak mereka berterima kasih kepada Kerajaan, khususnya Menteri Kewangan yang telah menunjukkan rasa simpatinya terhadap penanggungan mereka selama ini dengan menambah pelepasan untuk anak-anak sebanyak \$650 iaitu dari \$2,350 dahulunya kepada \$3,000.

Terlanjur menyebut mengenai pelepasan cukai, saya suka menarik perhatian Kerajaan tentang pelepasan untuk ibubapa yang menjadi tanggungan kita. Walaupun saya sedar ramai di antara rakan-rakan saya telah menimbulkan dan menyebut perkara ini, baik dari pihak Kerajaan mahupun dari pihak Pembangkang, tetapi saya rasa perkara yang hak seperti ini wajib disebut berulang kali mudah-mudahan bukan sahaja mendapat perhatian bahkan adalah diharap akan diambil tindakan oleh Yang Berhormat Menteri dengan memberi pelepasan kepada ibubapa yang menjadi tanggungan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang di sebelah Timur lebih-lebih lagi kita yang beragama Islam berbuat baik kepada kedua ibubapa itu bukan sahaja dituntut, sebaliknya menjadi satu kewajipan yang mesti ditunaikan, bahkan adalah menjadi satu kesalahan atau satu dosa yang besar jika kita cuba mengabaikan kebajikan kedua ibubapa kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memberi pelepasan untuk ibubapa, Kerajaan tidak akan menanggung kerugian, sebaliknya akan memperolehi dua faedah besar. Yang pertama mengurangkan bebanan Kerajaan bagi menyelenggarakan Rumah Orang-orang Tua. Yang kedua, Kerajaan dapat memupuk dan menggalakkan rasa tanggungjawab rakyat terhadap keluarga masing-masing.

Berhubung dengan bebanan Kerajaan bagi menyelenggarakan Rumah Orang-orang Tua, menurut Buku Anggaran Belanjawan, 1979 di muka surat 700, jumlah orang-orang yang menjadi penghuni Rumah Orang-orang Tua dalam tahun 1978 adalah seramai 2,315 orang dan perbelanjaan pengurusan yang dikehendaki adalah sebanyak \$3.9 juta. Ini bererti Kerajaan terpaksa berbelanja sebanyak lebihkurang \$1,700 setahun bagi setiap orang yang menghuni di Rumah Orang-orang Tua itu. Saya yakin jika Kerajaan memberi pelepasan untuk kedua ibubapa yang menjadi tanggungan pembayar cukai, bilangan penghuni di Rumah Orang-orang Tua itu lambat laun akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu majlis dailog dengan Ahli-ahli Parlimen yang diadakan baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan bahawa pelepasan untuk ibubapa tidak dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan kerana dalam kes di mana ibubapa yang mempunyai lebih dari seorang anak, pihak Kerajaan mendapati sukar untuk menentukan dengan anak yang mana ibubapa itu tinggal, masing-masing anak akan mendakwa bahawa ibubapa mereka itu tinggal bersama mereka atau mereka berkongsi membantunya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya masalah semudah itu tidaklah munasabah dijadikan alasan oleh pihak Kerajaan untuk menolak rayuan orang ramai bagi mengadakan pelepasan untuk kedua ibubapa yang menjadi tanggungan mereka. Sekali lagi saya berharap hal ini akan dapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang galakan-galakan fizikal bagi simpanan-simpanan, perubahan baru yang dicadangkan itu jika diteliti dan dibuat perbandingan

maka pengecualian cukai bagi Bank Simpanan Nasional adalah lebih \$800 dari pengecualian cukai yang diberikan kepada institusi-institusi kewangan yang lain. Perubahan yang dinamis ini pada hemat saya akan memberi galakan dan mendorong lebih ramai orang membuka kira-kira simpanan mereka dengan Bank Simpanan Nasional dan kepada yang sedia menyimpan akan menambahkan lagi simpanan mereka dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur bercakap mengenai Bank Simpanan Nasional ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya memperbaiki lagi kecekapan dan perkhidmatan bank tersebut. Dalam hubungan ini, saya suka menyentuh mengenai pengeluaran wang tunai dari simpanan. Pada masa ini jumlah maksima yang boleh dikeluarkan serta-merta ialah sebanyak \$400 dan kalau dengan telegram sebanyak \$600. Di sini saya suka menyarankan jumlah maksima yang boleh dikeluarkan serta-merta dari \$400 ditambah menjadi \$600 dan dengan telegram dari \$600 menjadi \$1,000. Jika cadangan ini diterima maka ia akan memberi banyak munafaat kepada orang ramai terutama kepada penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, pihak Kerajaan patut mengkaji kemungkinan Bank Simpanan Nasional memperkenalkan sistem penggunaan cek. Maksud saya seperti cek pengembara (traveller's cheque). Cek-cek itu bolehlah bernilai \$5, \$10, \$20, \$50 dan \$100. Dengan penggunaan sistem ini penyimpan-penyimpan tidak perlu membawa wang tunai dan yang paling pentingnya ia akan menjamin keselamatan wang penyimpan dari kecurian atau kehilangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut mengenai pelaburan saham oleh Bumiputra. 11 tahun yang lalu Amanah Saham MARA Berhad telah ditubuhkan. Dalam jangkaan masa tersebut tabung Amanah itu telah berjaya melancar dan mengendalikan 11 buah tabung termasuk sebuah tabung khas yang diuntukkan kepada ahli-ahli Pasukan Keselamatan. Setakat ini Amanah Saham MARA Berhad telah berjaya menarik seramai 66,000 orang Bumiputra melaburkan modal mereka di dalamnya. Lebih dari 80% dari

66,000 pemegang saham Amanah MARA itu adalah terdiri dari penduduk-penduduk luar bandar. Selama ini penduduk luar bandar sangat jahil dalam bidang perniagaan saham. Maka dengan penubuhan Amanah Saham MARA Berhad ini telah berjaya memenuhi kehendak penduduk luar bandar yang cuba-cuba menceburkan diri dalam bidang ini.

Sebenarnya mereka ini bukan tidak ada kemahuan atau minat dalam bidang ini. Masalah mereka ialah tidak tahu mana satu saham yang kukuh dan boleh diperniagakan. Jadi, dengan adanya Tabung Amanah Saham MARA ini boleh dianggap menjadi pembimbing kepada Bumiputra yang mempunyai minat dan berkecenderongan kearah itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa rata-rata penduduk luar bandar itu mempunyai wang simpanan yang terhad dan mengambil masa yang lama pula untuk mengumpulkan wang sejumlah itu. Oleh yang demikian, adalah menjadi tugas Kerajaan menjaga dan menjamin supaya modal yang mereka laburkan dalam Tabung Amanah itu tidak mengalami apa-apa kerugian. Dalam hubungan ini, saya suka menyarankan supaya pada masa-masa akan datang jika ada saham-saham dari syarikat-syarikat besar yang kukuh yang diperuntukkan kepada Bumiputra seperti Kuala Lumpur Kepong, Syarikat East Asiatic, Tasek Simen dan lain-lain. Saham-saham itu hendaklah semuanya disalurkan melalui Tabung Amanah Saham MARA Berhad ini. Ini bertujuan mengelakkan saham-saham itu dari direbut atau terjatuh ke tangan mereka yang tidak berhak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah menentang amalan yang berjalan sekarang ini iaitu saham dari syarikat-syarikat yang kukuh diperuntukkan kepada Bumiputra itu diberi dan diagih-agihkan kepada orang-orang perseorangan atau syarikat-syarikat per-sendirian. Cadangan saya supaya saham-saham serupa ini disalurkan melalui Amanah Saham MARA Berhad adalah bertujuan mengelakkan saham-saham yang telah diperuntukkan kepada Bumiputra itu berpindah milik kepada kaum bukan Bumiputra. Kehendak kita seboleh-bolehnya biarlah saham-saham itu kekal menjadi milik Bumiputra. Cadangan saya ini bukanlah keluar dari perasaan sentimen yang melulu,

tetapi dibuat berdasarkan kejadian-kejadian yang telah lalu di mana Bumiputrabumiputra orang perseorangan yang telah berjaya membeli saham-saham tersebut telah menjualkan saham-saham itu dalam pasaran terbuka apabila sahaja mendapat sedikit keuntungan. Jika amalan yang merugikan ini dibiarkan tanpa diambil langkah-langkah mengatasinya, maka harapan kita dan hasrat Kerajaan hendak melihat Bumiputra memiliki saham sebanyak lebihkurang \$24,000,000,000.00 yang bersama 30% dari jumlah nilai saham yang dianggarkan pada tahun 1990 itu tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penjualan saham Kuala Lumpur/Kepong dan Syarikat East Asiatic Company yang dibuat baru-baru ini, pihak Pembangkang khususnya pihak DAP telah melemparkan beberapa tuduhan dan fitnah untuk kepentingan parti mereka sahaja. Tuduhan mereka kononnya saham-saham tersebut hanya dimonopoli oleh tokoh-tokoh yang berada dan UMNO-Putra. Sebaliknya mereka pula tidak mahu dan cuba menutup bangkai dengan sehelai daun, mereka cuba menyembunyikan dari pengetahuan orang ramai bahawa ramai taukeh-taukeh bukan Melayu penyokong-penyokong mereka memperalatkan orang-orang Melayu yang lemah lagi dhaif untuk membeli saham-saham tersebut. Apabila saham-saham itu berjaya dibeli, saham-saham itu akan bertukar tangan kepada taukeh-taukeh tadi dan ada kemungkinan dalam hubungan ini tokoh-tokoh DAP itu dibayar komisyen atas perkhidmatan yang mereka berikan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pelancaran Tabung Amanah Saham MARA Berhad yang kesepuluh, dengan tawaran sebanyak \$5 juta itu nampaknya sambutan orang ramai begitu menggalakkan sehingga dalam masa 11 hari sahaja tabung itu dilancarkan belian dari orang ramai melebihi atau berlipatganda dari nilai saham yang ditawarkan. Dalam hubungan ini, saya berharap pihak Kerajaan khususnya Pengerusinya, Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba akan menerima semua tawaran saham yang dibuat oleh orang ramai walaupun tawarannya lebih dari nilai saham yang dihadkan. Dengan cara tersebut kita tidak menghampakan sambutan hangat yang diberikan oleh orang ramai dan tidak

melemahkan semangat mereka untuk berkecimpung dan bergiat dalam bidang saham ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah acap kali dan selalu benar diperkatakan mengenai nasib orang Melayu atau bumiputra di Pulau Pinang dan masalah yang mereka hadapi. Perbincangan mengenainya dibuat dalam majlis-majlis dailog, diskusi, seminar, lebih-lebih lagi dalam perjumpaan-perjumpaan parti politik. Hasil dari perbincangan itu berbagai syor dan cadangan telah disarankan bagi mengatasi masalah mereka, tetapi untuk sekian lama segala syor dan cadangan-cadangan itu tinggal begitu sahaja lantaran tidak ada badan-badan tertentu yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan syor-syor tersebut.

Sebelum dibincangkan lebih lanjut mengenai perkara ini, eloklah rasanya diberi gambaran secara ringkas latar belakang kedudukan bumiputra di negeri ini dalam berbagai aspek. Tuan Yang di-Pertua, menurut siaran perangkaan tahunan Malaysia, 1976 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, Kuala Lumpur, jumlah penduduk negeri Pulau Pinang pada 31hb Disember, 1974 ialah seramai 850,771 orang. Dari jumlah itu orang Melayu atau bumiputra adalah seramai 260,642 orang iaitu lebih kurang 32% dari jumlah penduduk; hampir 85% dari mereka tinggal di luar bandar. Dari seramai 260,642 orang Melayu itu yang bergiat dalam bidang perniagaan dan perindustrian tidak sampai pun 5%. Jumlah terbesar mereka berada dalam sektor buruh, pesawah, petani, nelayan dan kakitangan Kerajaan.

Sekarang mari pula kita tengok tanah-tanah kepunyaan orang Melayu atau bumiputra dalam Bandaraya Pulau Pinang. Berdasarkan kajian seorang sarjana dari Universiti Sains Malaysia, Encik Goh Ban Lee atas tajuk "The Pattern of Land Ownership in Central Georgetown, 1975 (Corak Pemunya-pemunya Tanah Dalam Pusat Bandar Pulau Pinang, 1975)." Jumlah keluasan tanah Pusat Bandaraya Pulau Pinang 22,133,800 kaki persegi. Tanah Kepunyaan Kerajaan atau separuh Kerajaan seluas 4,906,731 kaki persegi iaitu lebih kurang 22.2%. 12,137,799 kaki persegi

(74.6%) adalah tanah kepunyaan orang-orang China. Luas tanah orang Melayu pula ialah 153,027 kaki persegi iaitu kira-kira 0.71% sahaja. Ini bererti tanah kepunyaan orang Melayu dalam Bandaraya Pulau Pinang tidak sampai pun 1%.

Tuan Yang di-Pertua, sayugia dinyatakan di sini bahawa di negeri Pulau Pinang tidak ada langsung tanah yang dinamakan Malay Reserves atau Tanah Simpanan Melayu. Dalam Perlembagaan Negeri juga tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan Kerajaan merezabkan mana-mana tanah untuk bumiputra. Oleh yang demikian, tanah kepunyaan orang Melayu di sana boleh dijual dan dibeli oleh sesiapa juga.

Dari segi politik pula, pada masa ini (1978) dari jumlah 27 buah kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, hanya 10 orang sahaja bumiputra.

Di bidang perikanan pula seperti yang kita sedia maklum ramai juga bumiputra yang berkecimpung dalam bidang ini. Namun demikian, keseluruhan nelayan-nelayan Melayu ini masih menangkap ikan secara tradisional atau makan gaji dengan taukeh-taukeh pukut tunda.

Sebagai buktinya, Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 190 buah pukut tunda yang didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Negeri pada bulan Disember 1977, 193 buah kepunyaan orang China dan bakinya sebuah lagi itu kepunyaan orang India. Tidak ada sebuah pun bot pukut tunda kepunyaan orang Melayu atau bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, itulah gambaran secara ringkas yang kemaskini (up-to-date) kedudukan ekonomi bumiputra di Pulau Pinang yang begitu lemah dan dhaif. Nasib mereka yang buruk itu kurang diketahui umum kerana terlindung oleh kemajuan perdagangan dan perindustrian yang dicapai oleh kaum-kaum lain di negeri itu. Dasar Kerajaan yang mengubah corak ekonomi negeri Pulau Pinang dari pertanian kepada perdagangan dan perindustrian, bukan sahaja tidak mampu disertai oleh orang Melayu malahan mereka dihanyutkan oleh arus kemajuan yang begitu pesat itu ke pinggir jurang yang sangat dalam lagi amat berbahaya. Dalam keadaan yang lemah dan

tidak berdaya itu, mereka pula terdedah kepada implikasi sosial dan politik. Masalah ekonomi atau lebih tepat dikatakan masalah survival orang Melayu atau bumiputra di Pulau Pinang setakat ini sudahpun mendapat perhatian Kerajaan Pusat.

Kita sama-sama telah mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober, 1978 yang lalu bahawa kedudukan bumiputra di Pulau Pinang begitu teruk terancam sehingga mereka menjadi kumpulan yang termundur sekali berbanding dengan kesemua bumiputra lain yang ada di Malaysia ini. Mereka katanya lagi, terpaksa bermula pada paras yang lebih rendah dari paras yang dimulai oleh bumiputra di negeri-negeri lain. Oleh yang demikian, usaha untuk menaikkan taraf hidup mereka sudah tentulah menjadi lebih sukar. Maka itulah sebabnya Kerajaan Pusat menganggap masalah mereka adalah masalah nasional dengan kerana Kerajaan tidak akan berpuas hati melihat bumiputra di lain-lain negeri sahaja mencapai kemajuan sedangkan bumiputra di Pulau Pinang tidak mencapai apa-apa pun. Dengan menganggap masalah bumiputra Pulau Pinang sebagai masalah nasional. Tambahan Timbalan Perdana Menteri lagi, maka bolehlah Kerajaan Pusat menumpukan perhatian kepada masalah itu dengan memberi bantuan khas yang tidak bergantung semata-mata kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari kesedaran dan perhatian Kerajaan Pusat tentang nasib bumiputra di Pulau Pinang itu maka tertubuhlah sebuah badan yang diberi nama Badan Petugas. Badan ini telah mengumpul masalah-masalah dan juga cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah bumiputra di negeri Pulau Pinang dan selepas itu terbentuk pula sebuah Jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Laporan Pasukan Petugas bagi mengkaji Masalah-masalah Penyertaan Bumiputra di Negeri Pulau Pinang. Badan ini terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan

Timbalannya kerana memberi perhatian begitu berat dan juga langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah orang-orang Melayu di negeri Pulau Pinang. Kepada semua mereka yang menganggotai Jawatankuasa Pemandu itu adalah diharap akan memberi khidmat yang sungguh-sungguh dan ikhlas kerana harapan orang Melayu begitu besar dan tinggi terhadap perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jawatankuasa Pemandu sedang menumpukan perhatian kepada lima aktiviti ekonomi, iaitu (1) perusahaan dan perindustrian; (2) perumahan; (3) perdagangan dan perniagaan; (4) pembangunan tanah; dan (5) Land Bank. Sambutan yang diberi oleh orang perseorangan, syarikat-syarikat dan koperatif-koperatif bagi menjayakan lima aktiviti yang dirancang itu amatlah menggalakkan. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah Jawatankuasa Pemandu itu ketika ini tidak mempunyai peruntukan bagi melaksanakan rancangan-rancangan yang telah dipersetujui itu. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengumumkan bahawa satu peruntukan khas akan diberi kepada Badan ini. Oleh yang demikian, saya dan seluruh orang Melayu serta bumiputra negeri Pulau Pinang sangat-sangat berharap supaya peruntukan itu akan diberi secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di antara lima aktiviti Jawatankuasa Pemandu itu yang paling penting ialah Land Bank. Projek Land Bank ini pada pandangan saya perlu diberi perhatian serius dan segera kerana seperti yang kita semua maklum bahawa di negeri Pulau Pinang amat kurang sekali kawasan tanah untuk dimajukan. Maka spekulasi tanah menjadi-jadi. Implikasinya banyak tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di kawasan luar bandar sudah bertukar tangan kepada orang bukan Melayu. Saya sangat bimbang jika langkah-langkah segera lagi efektif tidak diambil maka dalam masa yang singkat saki baki tanah yang masih lagi dimiliki oleh orang-orang Melayu akan habis semuanya.

Bagi mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan bahawa satu peruntukan langsung (outright grant) hendaklah diberi

oleh Kerajaan Pusat kepada Jawatankuasa Pemandu untuk tujuan projek Land Bank ini. Di samping itu saya mengambil kesempatan menyeru orang-orang Melayu dan bumiputra di negeri Pulau Pinang terutama kepada mereka yang masih mempunyai tanah supaya jangan lekas gelap mata dengan tawaran harga yang tinggi atas tanah-tanah kepunyaan mereka demi kepentingan anak cucu dan keturunan mereka pada masa yang akan datang.

4.43 ptg.

**Tuan Lim Cho Hock (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi telah diperbuatkan undang-undang pada tahun 1950 dan sejak itu tiada apa-apa pindaan dibuat terhadapnya. Dalam sebuah negara yang demokratik rakyat harus mempunyai "access" terhadap maklumat-maklumat berkait dengan pentadbiran Kerajaan mereka dan mereka berharap wakil rakyat-wakil rakyat yang terpilih itu tahu serba sedikit dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan kerana dengan demikian akan terdapat kecekapan yang lebih di dalam jentera Kerajaan. Saya bersetuju bahawa mana-mana Kerajaan berhak menyimpan beberapa maklumat rahsia demi kepentingan negara. Oleh yang demikian hendaklah diadakan keseimbangan di antara keperluan untuk menyimpan beberapa maklumat rahsia dengan keperluan "openness" jika rakyat dikehendaki memainkan peranan mereka dalam sebuah negara berdemokrasi.

Akta Rahsia Rasmi hendaklah dikaji semula dan dipinda dari masa ke masa supaya dapat menentukan rakyat dan wakil rakyat-wakil rakyat mereka tidak dihalang tanpa apa-apa sebab yang munasabah dalam percubaan mereka untuk mewujudkan satu sistem demokrasi yang lebih bermakna dan berkesan demi kepentingan negara pada keseluruhannya dan bukan demi kepentingan orang-orang atau puak-puak yang tertentu yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang sempit dan parochial.

Pada masa sekarang tidak ada apa-apa garis-garis panduan yang memuaskan untuk mentafsirkan maklumat-maklumat. Nam-paknya mana-mana Ketua Jabatan atau Menteri dibenar menafsirkan apa jua maklumat sebagai maklumat rahsia atau sulit

tanpa menghiraukan samada pendedahan maklumat berkenaan akan mengancam keselamatan negara. Kecenderongan mana-mana Kerajaan ialah untuk mentafsirkan kebanyakan kalau tidak semua maklumat sebagai rahsia. Ia cuba sembunyi di bawah Akta Rahsia Rasmi atas perbuatan-perbuatan yang tidak betul atau senonoh.

Dalam pandangan saya, Akta Rahsia Rasmi hendaklah dikaji semula dan "safeguards" yang patut terhadap penyalahgunaan kuasa hendaklah diadakan di dalam akta tersebut. Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidaklah patut menghadapi risiko bahawa mereka akan didakwa kerana mendedah beberapa maklumat tertentu yang tidak menjejaskan dan mengancam kepentingan atau keselamatan negara. Apa yang merupakan rahsia atau sulit dalam tahun 1950 mungkin akan menjadi satu perkara yang menjadi pengetahuan orang ramai hari ini. Tetapi di bawah Akta ini seseorang boleh didakwa kerana mendedahkan maklumat-maklumat yang sudah lapuk ini.

Di bawah Akta Rahsia terdapat dua jenis maklumat yang dilindungi dan ditafsirkan rahsia. Jenis pertama adalah berkaitan dengan maklumat-maklumat yang mana jika mendedah beberapa maklumat tertentu yang tidak menjejaskan dan mengancam kepentingan negara.

Jenis kedua ialah mengenai pembongkaran maklumat-maklumat rasmi tanpa kebenaran dengan tidak menghiraukan tujuan orang yang mendedahkan maklumat-maklumat tersebut.

Maklumat-maklumat jenis kedua inilah yang perlu dikaji dari masa ke masa dan reformasi-reformasi diadakan terhadapnya. Jika tidak sesiapa pun termasuk seorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri akan merasa selamat jika beliau membangkitkan issue-issue dan masalah-masalah ini di dalam Parlimen atau di dalam Dewan Undang Negeri ataupun di khalayak orang ramai.

Satu perbuatan yang berasuah boleh ditafsirkan sebagai maklumat rahsia. Di dalam dunia ini di mana percubaan-percubaan untuk menyembunyi sesuatu (cover-up) adalah menjadi-jadi, maka adalah

perlu bagi kita untuk mengadakan jaminan-jaminan di dalam undang-undang kita supaya dapat kita mencegah skandal-skandal seperti "American Watergate", "Korea-gate", dan "Malaysian Navigate". Akta Rahsia Rasmi yang sedia ujud adalah lemah dan lapuk dan hendaklah dipermodenkan supaya membolehkan wakil-wakil rakyat mengadakan "access" yang lebih bebas terhadap maklumat-maklumat. Wakil rakyat-wakil rakyat mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat. Akta ini merupakan satu halangan yang menghalang wakil-wakil rakyat dari menjalankan tugas-tugas mereka. Kepentingan rakyat adalah lebih agung dan hendaklah mengambil keutamaan dari lain-lain hal tertakluk kepada keselamatan negara.

Oleh demikian Kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji perkara yang penting ini supaya satu sistem Parlimen yang lebih bermakna dapat ujud di Malaysia.

Rakyat pada keseluruhannya adalah tidak berpuas hati dengan kerja yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara (BSN) dalam usahanya untuk memerangi rasuah. Saya rasa adalah tidak perlu bagi saya untuk menyatakan tentang keburukan rasuah tetapi memadailah untuk berkata beberapa buah negara telah tumbang akibat rasuah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Perkataan itu "tumpangkah ataupun tumpang"?

**Tuan Lim Cho Hock:** "Tumbang".

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Apa maknanya dalam bahasa Inggeris?

**Tuan Lim Cho Hock:** Saya ingat "sudah jatuh".

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau jatuh maknanya "tumbang".

**Tuan Lim Cho Hock:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Amalan-amalan rasuah di masyarakat kita kini menjadi sukar untuk disiasat. Siapa-siapa yang bangun dan berkata bahawa insiden rasuah sedang kurang adalah "kidding himself". Kita mendengar tentang rasuah yang berlaku di

Jabatan Kerajaan dan juga di kalangan perniagaan dan banking. Adalah nyata rasuah kini bertambah buruk.

BSN hendaklah bercergas dan mengeluarkan "results" kerana jika BSN gagal berbuat demikian rakyat akan hilang kepercayaan dalam BSN dan jika ini berlaku mereka tidak akan bekerjasama dengan BSN lagi. BSN hendaklah benar-benar bebas dan juga mesti bebas dari pengaruh politik. Oleh demikian BSN hendaklah bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen dan bukan kepada mana-mana orang individu seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat orang-orang yang sedia mengsubvert proses pilihanraya di negara ini. BSN hendaklah mengawasi jenis subversion dan rasuah ini kerana proses demokrasi akan jahanam jika subversion ini tidak dicegah. Dalam masa pilihanraya umum tahun 1978, 6 orang calon DAP di Negeri Perak telah dibeli oleh Barisan Nasional khususnya UMNO. Akibat pembelian ini, keenam-enam orang ini telah mengistihar bahawa mereka keluar dari DAP. Mereka didapati berada di.....

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** (*Bangun*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sabar Yang Berhormat!

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat yang bercakap sedar bahawa 6 orang ahli DAP yang telah meninggalkan DAP itu bukan kerana dibeli tetapi kerana mereka tidak percaya lagi kepada perjuangan DAP?

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. Apabila saya sudah habis bercakap, baharulah beliau boleh menjawabnya. (*Ketawa*)

Mereka didapati berada di kediaman Menteri Besar Perak beberapa kali. Kediaman Menteri Besar Perak telah menjadi tempat perbincangan untuk "negotiations" ini. Saya diberitahu, seorang bekas Ahli Majlis EXCO, Dato Tajuddin Ali, telah dilihat mengeluarkan sekeping cek yang bernilai tinggi dalam salah satu perbincangan ini. Bekas Naib Pengerusi DAP, Daing

Ibrahim Othman, telah menjadi orang tengah dalam perbincangan ini.

Perkara ini telah diberitahu kepada saya oleh seorang bernama Encik Adnan bin Abdul Kadir. Orang yang jujur ini telah melaporkan perkara ini kepada BSN di Ipoh dan nombor rujukan ialah BSN/PK/50437/Jld. B.

Saya berharap perkara ini tidak akan diselindungi. Apa yang menjadi "at stake" bukanlah seorang atau dua orang ini yang boleh didakwa di mahkamah kelak, tetapi lebih penting lagi ialah sistem Demokrasi Berparlimen kita. Inilah satu cabaran yang pihak BSN mesti menyahut.

Rakyat pandang berat dan merasa keciwa dengan cara bagaimana kawasan-kawasan pilihanraya dipersempadankan. Rakyat bingung dengan cara kawasan-kawasan pilihanraya di negara ini dipersempadankan. Apakah jenis perwakilan 'proportional' yang kita ada? Dimanakah letaknya prinsip seorang satu undi? Bagaimanakah undi-undi luar bandar diberikan "weightage" dua atau tiga ataupun empat kali ganda berbanding dengan undi-undi bandar?

Berasaskan kepada perwakilan yang saksama dalam ertikata undi yang diperolehi oleh Parti DAP, kita sepatutnya mempunyai 40 orang Ahli Parlimen dan bukan 16 orang seperti sekarang. Cuba kita bandingkan angka-angka untuk kawasan-kawasan Parlimen berikut di Semenanjung Malaysia.

#### *Kawasan-kawasan Bandar*

Ipoh ... ..	63,000	pengundi
Menglembu ... ..	61,000	,,
Sungei Besi ... ..	79,000	,,
Petaling ... ..	90,000	,,

#### *Kawasan-kawasan Luar Bandar*

Grik ... ..	20,000	pengundi
Larut... ..	22,000	,,
Ulu Trengganu ... ..	25,000	,,

Di Negeri Perak, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kawasan negeri mempunyai lebih ramai lagi pengundi dari kawasan-kawasan Parlimen dalam ertikata bilangan pengundi.

*Kerusi-kerusi Negeri Perak*

Kepayang ... ..	32,900	pengundi
Pasir Puteh ... ..	34,500	,,
Kuala Pari ... ..	26,800	,,
Chemor ... ..	32,000	,,

*Kerusi-kerusi Parlimen Perak*

Grik ... ..	20,000	pengundi
Larut... ..	22,000	,,
Padang Rengas ... ..	24,000	,,

Di Negeri Perak adalah kemungkinan sebuah Kerajaan boleh ditubuhkan dengan minority undi-undi popular. Oleh yang demikian, satu keadaan boleh timbul di Negeri Perak di mana sokongan yang diterima oleh pihak Pembangkang dalam ertikata jumlah bilangan undi akan melebihi sokongan yang diterima oleh pihak Kerajaan. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya dibenarkan dan harus diperbaiki. Jika terdapat pembahagian pengundi-pengundi yang lebih adil, Parti DAP pasti akan dengan mudahnya melipatgandakan dua atau tiga kali kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Negeri yang dipegang sekarang.

Saya berharap pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan mengadakan satu cara pembahagian pengundi-pengundi yang lebih adil. Jurang kuasa yang ujud di antara pengundi-pengundi bandar dengan pengundi-pengundi luarbandar adalah besar dan hendaklah dirapatkan. Ketidak seimbangan politik ini hendaklah dibetulkan jika kita tidak mahu terus hidup di bawah "political hoodwinks". Terima kasih.

5.00 ptg.

**Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera):**

Tuan Yang di-Pertua, berjuta-juta rakyat Malaysia telah terkejut apabila mendengar ucapan-ucapan yang dilafazkan oleh Ahli dari Kinabalu. Kenyataan-kenyataan yang dibuatkannya di dalam Dewan yang mulia ini secara terang-terang menunjukkan bahawa sementara beliau mengambil berat tentang perasaan sesuatu kaum di negara ini, beliau tidak langsung menghiraukan perasaan dan sensitiviti kaum-kaum lain di masyarakat kita yang berbilang bangsa ini. Beliau telah

bersungut tentang papantanda-papantanda yang ditulis dalam bahasa China dan Tamil.

Perlembagaan Persekutuan menjamin kegunaan bebas bahasa-bahasa lain iaitu bahasa China, Tamil dan Inggeris bagi tujuan-tujuan bukan rasmi. Oleh yang demikian, tidaklah salah untuk menggunakan lain-lain bahasa di papan-tanda-papantanda. Constitution membenarkan kegunaan bebas bahasa-bahasa ini. Apakah Ahli Yang Berhormat itu menyoalkan jaminan yang termaktub dalam Constitution kita?

Ahli dari Kinabalu juga telah mencadangkan supaya sekolah-sekolah China dan Tamil ditutup. Kami dalam parti DAP ingin tahu dengan menggunakan hak manakah beliau membuat cadangan tersebut. Constitution kita menjamin kewujudan sekolah-sekolah tersebut. Apakah salahnya bagi rakyat menggunakan hak-hak Constitution mereka?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mengejutkan ialah Ahli Yang Berhormat ini dan juga Ahli-ahli yang lain telah mencuba mengaitkan penggunaan hak-hak Perlembagaan ini oleh sebilangan besar rakyat dengan soal ketaatsetiaan terhadap negara ini.

Bagaimanakah ketaatsetiaan seseorang rakyat negara ini boleh dipersoalkan semata-mata beliau menggunakan hak-hak yang diberikannya oleh Constitution negara kita, Constitution yang kita semua di dalam Dewan ini telah bersumpah akan mempertahankannya, Constitution yang menjadi undang-undang agung di negara ini. Malah mereka yang menyoalkan ketaatsetiaan rakyat yang menggunakan hak-hak Constitution mereka sebenarnya mensubvertkan Constitution kita.

Akibat ucapan yang dilafazkan oleh Ahli dari Kinabalu, berjuta-juta rakyat Malaysia telah bimbang dan bersusah hati. Mereka ingin mendapat satu jaminan kategorikal dari Kerajaan Baginda bahawa ketaatsetiaan mereka tidak dipersoalkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kerajaan atau oleh lain-lain orang akibat penggunaan hak-hak Constitution mereka itu.

Selanjutnya, mereka juga ingin mendapatkan jaminan dari Kerajaan bahawa sebarang percubaan tidak akan dibuat secara langsung atau tidak langsung untuk menyekat atau "discourage" mereka dari menggunakan secara bebas hak-hak Constitution mereka berkait dengan penggunaan bebas bahasa-bahasa Inggeris, China dan Tamil.

Menurut logik yang 'perverse' Ahli dari Kinabalu itu dan juga Ahli-ahli yang memikirkan seperti dia itu, ketaatsetiaan rakyat menggunakan hak-hak Perlembagaan mereka akan dipersoalkan tetapi mereka yang cuba menafikan rakyat dari menggunakan hak-hak mereka dianggap sebagai taatsetia. Kami di sebelah sini tidak boleh bersetuju dengan ujian 'perverse' mengenai ketaatsetiaan sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli itu. Inikah caranya kita hendak membina sebuah negara yang bersatu-padu dan berharmoni dari masyarakat yang berbilang bangsa negara kita ini? Macam manakah keharmonian boleh dipupuk jika sekiranya ucapan-ucapan seperti yang dilafazkan oleh Ahli dari Kinabalu itu dilafazkan bukan sahaja di luar Dewan ini malah juga di dalam Dewan yang mulia ini.

Kenyataan-kenyataan seperti inilah dengan implikasi-implikasinya tentang percubaan untuk menghapuskan secara langsung atau tidak langsung jaminan-jaminan Perlembagaan yang menimbulkan perasaan syak wasangka dan ketakutan dalam fikiran dan hati rakyat Malaysia yang taatsetia. Inikah caranya kita hendak mengatasi ancaman dari orang-orang bersenjata di negara ini dengan senantiasanya menyoalkan ketaatsetiaan rakyat Malaysia yang tidak membuat apa-apa kesalahan melainkan membuat atau melaksanakan perkara-perkara yang dibenarkan oleh Perlembagaan.

Jika sekiranya kita hendak berjaya mengatasi ancaman dari orang-orang yang bersenjata adalah amat mustahak rakyat kita bersatu-padu supaya dapat kita mengatasi ancaman seumpama itu. Tetapi saya ataupun rakan-rakan saya di dalam parti DAP tidak nampak bagaimana kita akan dapat menyatu-padukan rakyat berbilang kaum di negara ini sementara ketaatsetiaan sebilangan besar rakyat masih dipersoalkan.

Kami di dalam parti DAP akan menentang dengan sekeras-kerasnya sebarang percubaan yang bertujuan walaupun secara langsung atau tidak langsung untuk menyekat rakyat Malaysia dari melaksanakan hak-hak Perlembagaan mereka.

Ahli dari Kinabalu telah menuduh parti DAP sebagai menimbulkan issue-issue sensitif demi kepentingan kita sendiri. Sebenarnya Ahli dari Kinabalu yang telah menimbulkan issue-issue sensitif di dalam Dewan ini untuk kepentingan-kepentingan politiknya sendiri yakni beliau berharap dengan membuat ucapan-ucapan seperti yang dilafazkan oleh beliau itu beliau akan dibenarkan masuk ke dalam parti Barisan Nasional.

*5.09 ptg.*

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali (Nilam Puri):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk menyampaikan sedikit sebanyak ucapan dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum daripada saya meneruskan sedikit sebanyak ucapan saya melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pemimpin Barisan Nasional yang telah memilih saya untuk bertanding di dalam kawasan Nilam Puri, Kelantan. Dan melalui Dewan ini juga, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pengundi-pengundi kawasan saya yang telah memilih saya dan membawa saya ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak dipercakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini mengenai ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telah memberikan harapan yang baik kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini dengan ucapan belanjawan yang mendapat pujian dan sanjungan daripada seluruh rakyat yang bertanggungjawab dan yang sanggup berkorban sedikit sebanyak untuk kepentingan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai hasrat Kerajaan Kelantan yang telah ditubuhkan selepas daripada

pilihanraya yang telah berlangsung pada 11hb Mac, 1978 yang lalu. Hasrat Kerajaan Kelantan sekarang ini adalah sangat-sangat mengambil berat untuk melaksanakan segala janji yang telah dikemukakan kepada rakyat di negeri Kelantan dan atas janji itulah rakyat telah memilih Barisan Nasional untuk mentadbirkan negeri Kelantan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

Tetapi seperti yang kita sedia maklum bahawa keupayaan pentadbiran negeri Kelantan untuk melaksanakan segala janji-janji itu pada pandangan saya adalah sangat terhad. Oleh yang demikian, melalui kesempatan ini saya menyeru pihak Kerajaan Pusat dan agensi-agensi Kerajaan supaya memberi sepenuh-penuh bantuan dan sokongan kepada Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan pembangunan yang menjadi hasrat dan cita-cita rakyat Kelantan.

Saya dapati banyak kekurangan-kekurangan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi Kerajaan untuk dilaksanakan di negeri Kelantan. Oleh itu, saya berharap supaya segala permohonan yang diminta oleh Kerajaan Kelantan samada melalui Kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi Kerajaan, dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai peranan bumiputra di dalam Dasar Ekonomi Baru. Sehingga ini telah muncul pemborong-pemborong bumiputra di negeri Kelantan dengan banyaknya, tetapi di antara bumiputra yang telah mengambil bahagian di dalam lapangan pemborong itu, banyak yang menemui kegagalan oleh sebab mereka berkehendakkan penerimaan tiap-tiap rancangan ataupun tiap-tiap tender yang dimasuki oleh mereka. Dan itulah yang menyebabkan mereka telah menawarkan dengan harga yang tinggi dan kadang-kadang tidak berpatutan.

Jadi dengan kerana itu mereka tidak dapat meneruskan kerja-kerja itu dan banyak yang terbengkalai dan terpaksa meninggalkan kerja yang telah dibuat. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan cara negotiate tender dengan cara memanggil pemborong-pemborong yang mendaftarkan

diri dan berunding memberi tawaran yang sesuai di atas tiap-tiap projek yang hendak dilaksanakan itu. Dengan cara itu saya fikir akan memberi pertolongan kepada pemborong-pemborong kita supaya mengelakkan daripada kerugian yang mungkin ditanggung oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai per-sekolahan, saya suka mencadangkan supaya tiap-tiap sebuah sekolah yang hendak didirikan oleh Kerajaan pada masa akan datang diadakan sebuah surau ataupun satu tempat yang boleh digunakan untuk mengajar ugama bukan secara teori sahaja tetapi dengan secara amalan. Pada masa ini urusan menyediakan tempat sembahyang adalah menjadi tugas Persatuan Guru-guru Ibubapa (PIBG) di tiap-tiap buah sekolah itu. Ini mendatangkan kesulitan kepada PIBG dan PIBG ini telah mengemukakan perkara-perkara ini kepada wakil-wakil rakyat. Ini boleh membebankan wakil-wakil rakyat yang sepatutnya wakil-wakil rakyat boleh memikirkan soal-soal lain. Oleh yang demikian, saya fikir patutlah soal menyediakan surau untuk murid-murid sekolah ini difikirkan oleh Kementerian dengan diadakan satu peruntukan yang khas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesempatan ini juga saya ingin mengemukakan supaya Kerajaan mengkaji semula Akta Sewa Beli. Saya dapati dan menerima sungutan daripada mereka yang menjalankan perniagaan sewa beli ini sangat sulit untuk menerima bayaran atau mendapat bayaran daripada pembeli-pembeli yang engkar daripada membayar ansuran bulanan barang-barang yang dibeli seperti kereta, motosikal dan sebagainya.

Apabila mereka yang membeli barang-barang ansuran ini mungkir daripada membayar ansurannya, mereka terpaksa menggunakan kakitangan yang terdiri daripada samseng-samseng dan ini menimbulkan keadaan kalam kabut di kalangan mereka itu. Oleh sebab itu, saya berharap supaya Kerajaan mengkaji semula perkara ini dan kalau perlu dipinda undang-undang tersebut supaya dapat berjalan dengan licin dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan pada permulaan tadi bahawa di

negeri Kelantan berkehendakkan pembangunan berjalan dengan pesat, oleh itu saya mengambil kesempatan supaya pihak Kerajaan memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada negeri Kelantan di dalam berbagai-bagai bidang. Banyak perkara-perkara yang perlu dibuat untuk negeri Kelantan. Saya fikir kalau di negeri-negeri lain pada masa sekarang ini sedang menjalankan rancangan di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, tetapi negeri Kelantan sedang di dalam melaksanakan rancangan di dalam Rancangan Malaysia yang Pertama. Sebab itu patutlah segala usaha dan tenaga dipergiatkan untuk membangun negeri Kelantan. Sekianlah sahaja ucapan saya yang ringkas di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

### 5.21 ptg.

**Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kelaziman, manusia tidak akan selamanya berpuas hati, maka begitulah juga dengan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Biarpu Belanjawan itu dianggap sebagai keseluruhannya sesuai dengan keadaan perkembangan sosial politik dan ekonomi negara pada saat ini.

Saya tidak hendak menyentuh butir-butir kandungan ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga butir-butir di dalam belanjawan yang dibentangkan, tetapi saya ingin menarik perhatian di dalam keadaan negara menghadapi perkembangan ekonomi dan pembangunan yang bertambah pesat sejajar dengan hasrat Kerajaan mencapai matlamat ekonomi baru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, maka sering lahir dari semasa ke semasa ucapan-ucapan dan tindakan-tindakan yang janggal dari satu-satu pihak atau golongan manusia yang sentiasa mencari kesalahan dan kesilapan Kerajaan.

Di dalam Dewan ini juga suara-suara sumbang dilahirkan dengan sengaja memperbesar-besarkan masalah-masalah yang kecil yang boleh mengelirukan rakyat dan

membibitkan rasa syak wasangka dan tidak puas hati di atas tindakan Kerajaan.

Ada pihak yang kononnya dengan satu nada mengagung-agungkan konsep "Malaysian Malaysia" tetapi dengan nada yang lain, dengan nada yang sama tetapi cara yang lain, bertindak dan berucap bukan sahaja bertentangan tetapi boleh mengakibatkan kehancuran negara kita. Malaysia merupakan negara yang paling susah dan rumit kerana latar belakangnya sebagai negara berbilang bangsa, berbilang kaum dan berbilang kebudayaan bagi apa juga corak Kerajaan untuk mengikiskan perbezaan-perbezaan yang sudah sebatini ini supaya setiap warganegara berupaya menumpukan sepenuh perhatian dan tindakan sebagai satu bangsa bagi mencapai cita-cita dan matlamat bersama negara.

Pemimpin-pemimpin yang memerdekakan negeri ini dan menciptakan Perlembagaannya telah memberi perhatian dan pertimbangan sepenuhnya di dalam segala segi dan sudut dengan hanya satu tujuan iaitu supaya negara Malaysia ini dapat merupakan negara yang sebenar-benarnya merdeka dan dapat menaungi serta memberi nikmat kepada semua kaum, agama dan kebudayaan. Itulah sebabnya maka dasar ekonomi dirangkakan begitu rupa iaitu sesudah dipertimbangkan dengan sedalam-dalamnya termasuk keuntungan dan kerugian bahkan keburukan dan kebaikan. Begitulah juga dasar pelajaran dan dasar kebudayaan iaitu bukan sahaja yang akan harus menyentuh sesuatu kaum tetapi negara keseluruhannya.

Pendeknya dasar-dasar ini tidak dibuat semata-mata kerana kepentingan sesatu kaum atau bertujuan menganiayai atau menzalimi sesatu pihak. Pendeknya semua pihak telah sanggup bertolak ansur dan sanggup menerima keuntungan bahkan kerugian. Inilah semangat yang sepatutnya dipegang terus oleh semua golongan dan setiap generasi sekiranya ingin melihat Malaysia ini selamat.

Memang, sebagai manusia kita tidak dapat hendak mengikiskan sama sekali dari perasaan dan hati kita sifat-sifat semula jadi yang telah dipupuk dan dididik melalui keadaan dan suasana-suasana disekeliling

dan sekitar kita dilahir dan diperbesar. Perkara inilah yang menerbitkan perasaan-perasaan yang berlainan antara satu dengan lain dan juga melahirkan rasa prejudice, syak wasangka malah permusuhan terhadap golongan-golongan lain yang dilahir, dibesar dan dididik dalam keadaan dan suasana yang lain daripada kita. Bagaimanapun sekarang kita telah melalui segala proses perbezaan yang telah lahir, bukan dengan kemahitan dan kehendak kita dan kita sekarang berada di dalam satu keadaan dan suasana yang berlainan sama sekali dengan yang berkehendakan kita memberi sepenuh perhatian, tumpuan, kerjasama dan taat setia sebagai satu bangsa demi kebahagiaan bangsa dan negara kita seluruhnya iaitu Malaysia. Dari itu baik apa juga latar belakang dan dari mana juga keturunan kita, kita adalah pada hari ini, rakyat Malaysia. Dan sebagai rakyat Malaysia kita mesti sanggup bersama-sama mempertahankan perpaduan, maruah dan keperibadian Malaysia negara kita.

Kepada negara sebagai Malaysia ini, segala-galanya termasuklah Rancangan Pembangunan yang besar-besaran, tindakan-tindakan terhadap mencapai matlamat perpaduan dan kestabilan politik, bergantung besar kepada keupayaan setiap orang lebih-lebih lagi yang mempunyai tanggungjawab sebagai pemimpin parti termasuk parti-parti Opposisi dan Kerajaan, malah anggota-anggota Parlimen, memahami dan sanggup melaksanakan hakikat ini. Sebaliknya adalah satu perbuatan yang boleh dianggap khianat dan merosakan sekiranya ucapan dan tindakan itu akibatnya menerbitkan salah faham, kekacauan dan pertempuran khususnya antara kaum atau golongan.

Saya rasa tidak ada siapa yang dapat menafikan, sebagaimana setiap negara, Malaysia juga mempunyai sahabat bahkan juga musuh yang berupa sebagai anti-nasional dan sebagainya. Pengalaman Malaysia pada masa lalu sepatutnya sentiasa mengingatkan kita bahawa ada musuh-musuh dan anasir-anasir anti-nasional yang akan sentiasa mencari dan mengeksploitasikan kelemahan dan kesilapan kita untuk kepentingan mereka. Sebagai sebuah negara demokrasi, perkara ini sudah pasti akan timbul terutama sekali dengan adanya ber-

bagai-bagai parti yang mempunyai dasar dan tujuan yang berlainan.

Pengalaman juga mengajar kita ada parti-parti politik yang sanggup menjadi alat negara-negara luar, atau sanggup menjual maruah kemerdekaan dan keperibadian negara kerana hanya ingin memerintah dan berkuasa. Dari itu, adalah amat salah jika di dalam keadaan keamanan dan pembangunan juga kestabilan politik sekarang ini kita menyangka musuh kita hanya berpeluk tubuh dan berdiam diri. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah mengingatkan kita tentang musuh-musuh ini, terutama pihak komunis yang sentiasa menjadi pengancam kepada keamanan dan kestabilan politik kita supaya kita sentiasa berwaspada.

Tindakan yang dapat musuh-musuh negara ini lakukan sekarang selain dari menerbitkan pertemporan-pertemporan kecil di Sempadan ialah melalui penyeludupan dan subversion. Subversion ini dilancarkan bukan hanya melalui satu saluran iaitu politik melalui parti-parti politik dan sebagainya, tetapi juga saluran-saluran ekonomi, termasuk juga sosial, kebudayaan dan agama. Kita telah berpengalaman dan menyaksikan banyak negara-negara yang menjadi purak-puranda melalui subversion atau penyeludupan begini. Biar pun di dalam negara yang rakyatnya taat kepada satu agama sahaja, tetapi huru-hara timbul kerana kepintaran dan kelincinan penyeludupan melalui agama ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini dan juga pihak Kerajaan iaitu dengan perubahan dasar luar Malaysia, maka pada hari ini negara kita telah mempunyai hubungan dan berbaik-baik dengan hampir semua negara dunia ini tanpa mengira idealogi. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan kita. Kita merasa bangga dengan hubungan yang telah terjalin dalam beberapa tahun yang lepas ini dengan negara-negara blok komunis, termasuk Soviet Russia, China, negara-negara Eropah Timur dan negara-negara Semenanjung Indo-China iaitu Vietnam, Laos, Kambodia. Kita merasa besar

hati dengan lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin yang timbal-balik antara pemimpin-pemimpin kita dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut. Dan baru-baru ini kita menerima penghormatan dengan lawatan Perdana Menteri Vietnam, Encik Pham Van Dong dan sedikit masa lagi kita akan menerima lawatan Naib Perdana Menteri Republik Rakyat China, Encik Teng Hsiao-Ping.

Kita berbangga kerana Malaysia negara yang pertama di antara negara ASEAN semasa Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat China dan Allahyarham Tun Razak sebagai Perdana Menteri yang pertama di antara Perdana Menteri-perdana Menteri ASEAN melawat negara itu. Ini membuktikan bagaimana hasrat Kerajaan Barisan Nasional dan rakyat Malaysia ingin mengadakan persahabatan dengan semua negara-negara terutama negara Republik Rakyat China. Lawatan Encik Teng Hsiao-Ping merupakan satu penghormatan kepada kita, memang tidak dapat kita nafikan.

Dalam pada itu kita ingin mengingatkan golongan-golongan rakyat Malaysia terutama rakan-rakan saya keturunan China supaya tidak mengambil peluang dan kesempatan lawatan ini untuk tujuan dan muslihat tertentu yang harus bertentangan dengan kepentingan negara kita.

Saya katakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana entah benar atau tidak tetapi ada ura-ura khabar-khabar angin golongan-golongan tertentu, persatuan-persatuan tertentu akan mengadakan perhimpunan semasa lawatan tersebut atas satu-satu sebab yang barangkali tidak akan disebutkan kepada kita seolah-olahnya perhimpunan-perhimpunan ini sengaja hendak diadakan mengambil kesempatan dengan lawatan Encik Teng Hsiao-Ping dengan tujuan, saya percaya ada motif yang tertentu. Saya harap Kerajaan akan menyiasat dan jika benar mengambil tindakan tegas. Kita tidak mahu lawatan itu disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak demi kepentingan mereka dan golongan mereka yang kecil yang akibatnya boleh menerbitkan salah faham antara negara kita dengan Republik Rakyat China. Saya percaya pemimpin-pemimpin Republik

Rakyat China sendiri tidak mahu perkara begini berlaku semasa hubungan yang semakin erat sedang berlaku antara kedua negara kita.

Kita berharap semua rakyat Malaysia yang mempunyai maruah dan kehormatan akan berbangga (proud) dengan negaranya sendiri. Malaysia akan mengalu-alukan lawatan Encik Teng Hsiao-Ping sebagaimana kita mengalu-alukan pemimpin-pemimpin negara-negara sahabat yang pernah melawat negara kita.

*5.35 ptg.*

**Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul atas Belanjawan untuk tahun 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu. Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah disambut dengan perasaan sepenuhnya dan berpuas hati oleh rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini termasuk juga mereka yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan di atas langkah Kerajaan ada mengurangkan duti impot ke atas barang-barang seperti buah-buahan, peti TV hitam-putih dan peti TV berwarna, peti radio, alat-alat muzik, alat-alat solek dan juga minyak wangi. Walau bagaimanapun, kita berharap ini semua memberi kesan ke atas orang ramai yang tinggal di bandar-bandar dan penduduk yang tinggal berhampiran di bandar-bandar. Akan tetapi penduduk-penduduk yang miskin dan berpendapatan rendah yang tinggal di luar bandar mereka sangat tidak memerlukan membeli peti TV, minyak wangi dan buah-buahan yang diimport dari luar negeri oleh kerana mereka mengganggu membeli barang-barang makanan dan yang sangat perlu untuk mereka tiap-tiap hari bahkan bukan mereka tidak memerlukan atau membeli barang-barang yang tersebut iaitu kerana pendapatan mereka sangat kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengambil tindakan yang berat untuk mengurangkan duti impot ke atas kopi, gula

dan berbagai-bagai barang makanan yang perlu digunakan oleh rakyat tiap-tiap hari dan juga mengambil perhatian dengan serius untuk mengurangkan duti impot atau menurunkan harganya seperti semua jenis-jenis racun, baja-baja dan alat-alat tanaman. Dari segi kemahalan semua barang-barang tersebut di atas petani-petani kita di luar bandar sangat susah payah menghadapi atau membeli barang-barang dan alat-alat tersebut kerana harganya melambung tinggi, kita lebih tahu dan faham petani-petani, penanam padi, pekebun-pekebun kecil getah, penanam lada hitam, kelapa dan penanam buah-buahan amat sangat memerlukan kesemua jenis-jenis barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengambil perhatian dan fahaman iaitu kebanyakan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah menyampaikan ucapan mereka lebih kurang 80% mereka yang memandang dan mengesyorkan kesusahan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang tinggal di luar bandar. Saya ingin mencadangkan di sini bahawa peranan yang dimainkan oleh Kerajaan ataupun Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan memberi peruntukan wang banyakkian lagi untuk kesemua bidang pembangunan luar bandar ke seluruh negara kita ini untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dirasakan oleh kesusahan penduduk-penduduk di luar bandar. Di samping itu soal masalah kemiskinan di kalangan rakyat perlulah diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab sebelum sesuatu hal-hal menjadi satu masalah yang sukar diatasi kelak.

Dari segi ini, kalau soal ini diatasi sebelum ia menjadi alat-alat dan social facilities boleh digunakan oleh anasir-anasir anti-nasional yang mengambil peluang untuk mengancam Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kerajaan yang berkaitan dengan pelajaran. Saya berpendapat di negeri Sarawak sangat kekurangan dan tidak mencukupi masalah yang seperti berikut:

- (a) Kekurangan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah dan juga di sekolah menengah

rendah di kawasan luar bandar khasnya di Sarawak.

- (b) Dari setakat ini kami di Sarawak masih sangat menghadapi kekurangan guru-guru yang mengajar Bahasan Malaysia. Saya menegaskan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Jabatan Pelajaran patutlah memberi latihan atau kursus kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris untuk mengajar Bahasa Malaysia ke tempat latihan di Sarawak atau ke Semenanjung Malaysia ini. Guru-guru tersebut juga patutlah diberi peluang berlatih lebihkurang 6 bulan setahun untuk mereka mengambil pengalaman latihan tersebut.
- (c) Masalah-masalah lain wujud di sekolah-sekolah kita pada hari ini sangat-sangatlah memerlukan yang paling berat sekali berhubung dengan tidak mencukupi asrama-asrama, bilik-bilik darjah dan rumah-rumah guru untuk kediaman mereka. Perkara ini terjadi terutama sekali di sekolah-sekolah menengah atau rendah, khasnya di sekolah kita di luar bandar.

Saya juga menyeru kepada pihak yang berkuasa supaya mengambil perhatian yang positif dan efektif untuk membina atau mendirikan sekolah menengah tinggi di daerah-daerah untuk kepentingan murid-murid sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menegaskan di Dewan yang mulia ini mengenai kesihatan iaitu berhubung dengan kekurangan atau tidak mencukupi di Jabatan Perubatan di klinik-klinik Daerah dan di Klinik Desa di luar bandar khasnya di Sarawak. Semasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengadakan lawatan beliau ke Sarawak baru-baru ini beliau ada mengatakan negeri Sarawak masih kekurangan 27 atau 30 orang doktor untuk kegunaan negeri itu dan di Semenanjung Malaysia ini. Saya mengesyorkan di sini supaya pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang berat untuk mengatasi masalah tersebut. Bersabit dengan ini Kerajaan patutlah mengambil doktor-doktor yang sudah retired atau pencen di negara kita untuk bekerja lagi secara kontrak.

Begitu juga Kerajaan kita boleh mengkaji semula meminjam doktor-doktor dari luar negeri atau mengambil rakyat Malaysia sendiri yang bekerja sebagai doktor berkhidmat di luar negeri atau seberang laut kembali ke negara kita ini untuk mengisi jawatan-jawatan kosong sebagai doktor keseluruhannya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di luar bandar masih menghadapi kesusahan kerana kebanyakan daerah-daerah di luar bandar terutama sekali di Sarawak langsung tidak ada Hospital Besar. Kalau penduduk-penduduk di luar bandar ditimpa oleh penyakit-penyakit yang serius, mereka terpaksa tidak dapat dirawat di kelinik-klinik, kemudian pihak perubatan memberi arahan kepada pesakit-pesakit untuk dirawat ke Hospital Besar yang begitu jauh dari tempat itu. Perkara ini memang selalu berlaku. Ini Juga bermakna bahawa kadar pesakit-pesakit dan penghantar-penghantar menggunakan wang begitu banyak untuk tambang mereka, kadang-kadang charter teksi, kerana dispensari ataupun di kelinik-klinik di luar bandar mungkin tidak ada alat-alat pengangkutan seperti ambulance, lori, land-rover, saya mencadangkan supaya dapat menimbangankan dengan seriusnya oleh Kerajaan untuk melaksanakan berbagai alat-alat kelengkapan bagi dispensari-dispensari di luar bandar seperti berikut:

- (a) mengadakan alat-alat pengangkutan seperti land-rover atau lori.
- (b) memberi ubat-ubat dengan secukupnya.
- (c) mengadakan long boat dan injin sangkut di tempat yang memerlukan.
- (d) Kerajaan patutlah membina Hospital Besar di luar-luar bandar di daerah-daerah untuk kepentingan rakyat di luar bandar yang miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sepeatah dua kata mengenai jalanraya dan jalan-jalan di luar bandar. Kami di Sarawak masih jauh ketinggalan dari peringkat kualiti dan kuantiti jalanraya. Maka jalanraya dari bandar Sri Aman atau Simanggang ke Sibujaya sejauhnyanya lebih kurang 270 batu. Jikalau musim kemarau sangatlah susah, kesemua

jenis lori, motokar-motokar atau pengguna-pengguna berjalan atau hendak menggunakan jalan tersebut kerana banyak batu-batu yang besar-besar keluar ke atas dan berlubang-lubang yang dalam di sepanjang jalan itu dan juga berdebu-debu. Bersabit dengan itu bila masa hujan lebat berturut-turut empat atau lima hari kemudian juga semua jenis-jenis pengangkutan tidak dapat berjalan, sebabnya jalanraya itu berlubang-lubang sampai satu atau dua kaki dalam saluran jalanraya itu. Sampai setakat hari ini jalanraya tersebut belum mulai di surface lagi. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah yang berat supaya mengatasi masalah tersebut dan mulai di surface jalanraya itu secepat mungkin yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 80% penduduk-penduduk tinggal di luar bandar masih susah payah dan mampu tidak ada jalanraya menuju ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah panjang seluruh negeri Sarawak. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan patutlah mengkaji dengan mendalamnya memberi peruntukan banyak lagi tiap-tiap tahun akan datang untuk membina jalan-jalanraya di luar bandar dan di seluruh negara kita ini khasnya di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menegaskan di Dewan ini mengenai Border Scout di negeri Sarawak. Saya berpendapat bahawa Border Scout ini satu pasukan dari satu pasukan keselamatan yang lain menjalankan tugas-tugas mereka dengan bergerak dan tidak mengira nyawa mereka hilang untuk menjaga keselamatan negara kita dan juga selalu menjaga menentang dan membunuh musuh negara kita ataupun menghapuskan ancaman komunis.

Saya menyeru kepada Kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab mengambil perhatian yang tertentu untuk mengatasi tentang keraguan dan lapuran-lapuran dari Pasukan Keselamatan tersebut iaitu berhubung dengan gaji bulanan mereka yang tidak memuaskan. Setakat hari ini mereka menerima \$250 atau kurang. Selain dari itu mereka juga langsung tidak diberi ration semasa mereka di waktu menjalankan ber-

tugas dalam hutan. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh mereka iaitu tempat-tempat kediaman amatlah tidak memuaskan. Kerajaan patutlah mengambil langkah dengan seriusnya untuk menaikkan gaji bulanan mereka, memberi bantuan seperti ration dan membina tempat-tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit atas hydroletrik power system ataupun letrik yang menggunakan kuasa air. Di negara kita ini banyak sumber-sumber yang dapat memberikan kemudahan alat-alat letrik yang menggunakan kuasa air, tetapi sedikit sahaja yang telah digunakan dan telah memberi hasil kepada tempat-tempat yang tertentu di negeri kita. Dengan demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengadakan siasatan atas perkara ini dan dapat mempercepatkan hydro-letrik power system itu bahkan seperti yang telah diterangkan kepada rakyat oleh pihak yang berkuasa atas perkara ini di beberapa tempat seperti di Wong Pelagus di Bahagian Ketujuh dan di Batang Air yang terletak di kawasan saya sendiri di bahagian Kedua di negeri Sarawak. Saya berharap supaya projek ini akan dapat dimulakan tanpa melambatkan dan kemungkinan dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat atau Kelima. Di negeri Sarawak cuma penduduk-penduduk yang tinggal dalam bandar dan pekan sahaja yang boleh mendapat bekalan letrik. Dengan demikian 70% penduduk-penduduk di luar bandar masih terpaksa menggunakan lampu atau pelita yang sangat membahayakan kepada pengguna-penggunanya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pandangan saya, kita mestilah mengambil fikiran yang jauh dan dalam untuk melancarkan projek tersebut. Bagi kawasan saya, siasatan di atas projek ini sedang dijalankan, sungguhpun begitu saya ada menerima sungutan-sungutan dari penduduk-penduduk yang akan terlibat dalam perkara ini. Kebanyakan mereka itu menentang projek ini kerana banyak sangat kerugian dan kehilangan harta modal mereka akan tetapi bukan mereka sengaja menentang projek itu. Sebabnya mereka belum lagi menerima penjelasan yang jelas dan aturan yang tertentu, bagaimanakah cara-cara

Kerajaan kita atau pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi di atas kerugian dan kehilangan harta modal mereka lebih-lebih lagi 19 buah rumah-rumah panjang yang mempunyai lebih kurang 5,000 penduduk termasuk juga dua buah sekolah rendah Kerajaan dan sebuah kelinik desa yang akan terlibat. Kerana bila projek ini sudah siap nanti, air di tempat itu akan dijangkakan naik sampai 150 kaki. Sungguhpun begitu kalau aturan dan perjanjian antara mereka dengan Kerajaan kita sudah dijalankan atau diselesaikan, penduduk-penduduk tersebut mestilah menyokong dengan sepenuhnya dan menyambut projek itu dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya dengan ringkas sahaja suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pertanian terhadap beberapa aspek dan masalah yang dihadapi oleh petani-petani khususnya penduduk-penduduk Malaysia di luar bandar terutama sekali di negeri Sarawak. Sungguhpun petani-petani telahpun mendapat bantuan dan pertolongan dari Jabatan Pertanian akan tetapi Kementerian Pertanian harus mencari jalan yang lebih berkesan lagi untuk membantu petani-petani di negara kita supaya hasil dan ekonomi rakyat dapat bertambah baik mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Di sini saya mengesyorkan supaya Kementerian Pertanian berusaha mencari tempat yang sesuai untuk membina parit dan taliair khususnya di negeri Sarawak dan Sabah. Perkara ini sangat penting supaya rakyat Malaysia betul-betul boleh menikmati syarat-syarat dan cara-cara pertanian moden dan juga petani-petani itu boleh mengikuti cara-cara intensif dan bukan ekstensif sebagaimana yang diamalkan sekarang ini di berbagai tempat di negeri Sarawak. Kalau kita membiarkan secara ekstensif ini berlanjutan, negara kita akan mengalami kerugian yang besar oleh kerana perkara yang berkenaan seperti berikut:

- (a) Para petani yang menanam padi bukit akan sentiasa memusnahkan hutan-hutan rimba yang mengandungi beribu-ribu tan kayu yang sangat berharga. Ini bermakna satu kerugian yang besar kepada negara kita kerana kayu adalah

satu sumber pendapatan yang memberi hasil kepada ekonomi negara Malaysia.

- (b) Tanah-tanah yang beribu-ribu ekar luasnya yang digunakan secara ekstensif oleh petani-petani tiap-tiap tahun akan menjadi tandus dan akhirnya menjadi tanah belantara yang tidak boleh diusahakan lagi untuk pengeluaran hasil tanpa menggunakan belanja yang besar.
- (c) Kehidupan rakyat kita khasnya petani-petani tidak dapat dipertingkatkan tarafnya mengikut pelan dan tunjuk ajar pemerintahan kita yang berjiwa rakyat ini kecuali rakyat itu mendapat didikan mengikut syarat-syarat intensive system of farming sebagaimana yang diamalkan oleh pihak negara yang telah maju di bidang pertanian seperti Filipina, Jepun dan Korea.

Ada beberapa sekim atau projek yang dibuat atau dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair di bawah Rancangan Jabatan Pertanian di Sarawak akan tetapi kebanyakan projek tersebut menghadapi berbagai masalah, iaitu menurut pendapat engineer, ada yang salah parit, tidak ada air, ada enjin pam air, salah pasang. Saya sangat hairan bagaimana kesilapan ini selalu berlaku sedangkan engineer itu adalah berkelayakan, akan tetapi kawasan parit dan taliair ini selalu tidak berair dan ini benar-benar mengecewakan para petani yang mengambil bahagian dalam rancangan sekim-sekim sawah di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kesilapan ini haruslah diambil perhatian berat oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya rancangan parit dan taliair yang ada sekarang betul-betul dapat memberi hasil kepada para petani yang memang merasa betul-betul berkehendakkan rancangan yang boleh memberi hasil yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini tidak diperiksa dengan teliti, saya khuatir bukan hanya mengecewakan petani-petani bahkan ini tetap merugikan Kerajaan oleh kerana projek-projek tersebut telahpun menelan belanja berjuta-juta ringgit atas pelaksanaannya.

Sekali lagi saya menyokong usul ini.

6.00 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh di atas perbelanjaan yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita oleh kerana saya mensifatkan perbelanjaan yang dibentang sebagai suatu perbelanjaan yang sederhana.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan boleh membuat satu daripada tiga cara dalam membentangkan perbelanjaannya. Yang pertama, meninggikan semua cukai, yang kedua caranya menurunkan semua cukai dan membelanjakan perbelanjaan dengan cara meminjam berjuta-juta ringgit daripada luar negara, cara ketiga ialah cara sederhana iaitu setengah-setengah tempat dinaikkan cukai dan setengah tempat yang kena pada tempatnya diturunkan cukai. Itulah cara yang saya dapati yang telahpun diambil oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita. Maka dengan itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaannya yang telahpun membawa suatu budget yang seimbang sekali.

Sudahpun, rasa saya lebih kurang hampir-hampir sebulan budget yang dikemukakan itu diumumkan kepada negara dan rakyat dan setakat yang saya ketahui, sambutan daripada rakyat kepada perbelanjaan itu amat baik sekali. Tidak ada golongan-golongan yang benar-benar menentang ataupun tidak bersetuju dengan budget itu. Pada keseluruhannya sambutan daripada rakyat jelata sehingga hari ini ialah sambutan yang baik di mana-mana juga dan akhirnya ini saya dapat menjelajah boleh dikatakan seluruh pelusuk negara dan saya berani menyatakan perbelanjaan yang telahpun dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini adalah satu perbelanjaan yang diterima dan disokong penuh oleh rakyat negara kita. Tetapi memanglah ada segelintir yang sengaja tidak mahu menyokong oleh sebab-sebab tertentu, maka oleh itu perkara yang lazim yang tidak menghairankan. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi komen secara terus menerus kepada perbelanjaan yang telahpun dikemukakan kerana saya dapati sudah cukup memuaskan dan saya mengucapkan tahniah.

Cuma ada satu perkara yang saya hendak menimbulkan dalam bentuk soalan iaitu bersabit dengan soal sukan yang mana kurang disentuh oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam membentangkan budgetnya. Saya cuma hendak bertanya adakah sukan di negara ini, sukan itu untuk negara ataupun sukan itu untuk kepentingan ahli-ahli sukan ataupun untuk kepentingan olahragawan dan olahragawati sahaja.

Saya menimbulkan soalan ini oleh kerana tidak berapa lama lagi negara kita akan mengambil bahagian di dalam suatu pertandingan sukan yang bernama Asian Games di Bangkok. Negara-negara yang bersangkutan dengan Pesta Sukan Asia ini telah mengambil keputusan tidak mahu menjemput satu negara mengambil bahagian. Oleh kerana tindakan negara-negara Asia yang tidak mahu menjemput satu negara itu, maka ada pertubuhan-pertubuhan sukan sedunia telah mengambil keputusan pula memberi amaran kepada negara-negara yang akan mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok ini menyatakan kalau para athlete mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia itu maka mereka tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam mana-mana acara sukan yang akan diiktiraf dan dikelolakan oleh badan-badan sukan dunia yang berkenaan. Umpamanya sebagai contoh, suatu badan badminton sedunia yang bernama International Badminton Federation telah menyatakan kalau negara Malaysia kita ini mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok yang akan datang ini, maka pemain-pemain badminton kita yang mengambil bahagian itu tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam apa juga acara yang diiktiraf dan dikelolakan oleh badan International Badminton Federation itu.

Begitu juga keadaannya dengan suatu badan lagi bersabit dengan olahraga, iaitu International Amature Athletic Federation (IAAF) yang mengelola dan menjaga soal olahraga sedunia telah menyatakan juga kepada Badan kita di sini, Malayan Amature Athletic Union (MAAU) sekiranya para olahragawan dan olahragawati kita mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok itu maka para athlete itu tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam apa juga acara yang diiktiraf dan

dikelolakan oleh badan sedunia yang bersabit dengan olahraga. Jadi soalnya sekarang, adakah kita akan mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok itu ataupun tidak.

Ada dua kepentingan, satu kepentingan ahli-ahli sukan kita dan satu lagi kepentingan negara kita. Kalau dari segi kepentingan ahli-ahli sukan kita, kita tidak patut menghantar dan mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok itu kerana kalau kita mengambil bahagian maka ahli-ahli sukan kita akan terhad kegiatan mereka untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan-pertandingan yang dikelolakan oleh badan-badan sedunia. Dari segi kepentingan negara pula, kita mesti mengambil bahagian kerana itu adalah merupakan satu pesta sukan Asia yang mana kita adalah merupakan anggota negara yang dikatakan negara-negara Asia. Dalam keadaan yang begitu, kepentingan manakah yang kita perlu utamakan, kepentingan negarakah atau kepentingan ahli-ahli sukan kita.

Di sini berlaku berbagai-bagai kekecohan. Ada setengah badan sukan mahu menyertai, ada setengah-setengah badan sukan di negara kita tidak mahu menyertai. Sebagai contoh badar yang mengelolakan hal ehwal badminton di negara kita tidak mahu mengambil bahagian di dalam acara Pesta Sukan Asia di Bangkok, dengan alasan katanya kami hendak menjaga kepentingan ahli-ahli sukan kami. Sungguhpun Majlis Olimpik Malaysia telah mengambil suatu keputusan yang berani dan tegas demi kepentingan negara maka semua badan-badan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Olimpik Malaysia hendaklah mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bagkok. Sungguhpun ada keputusan oleh Majlis Sukan Olimpik kita, masih juga ada badan-badan yang mengelolakan hal ehwal badminton di negara kita enggan mengambil bahagian.

**Akhir-akhir ini saya dapati menerusi akhbar mereka akan menghantar pasukan, tetapi pasukan yang kurang bermutu, bukannya pasukan yang terbaik tetapi pasukan yang terdiri daripada pemain-pemain badminton yang bukan terbaik di dalam negara kita. Tetapi mereka tidak kata sedemikian. Pemain-pemain badminton yang terkemuka tidak dapat menyertai oleh sebab sakit, uzur**

dan bermacam-macam lagi. Tetapi itu, pada pendapat saya merupakan helah semata-mata kerana tidak mahu menghantar mereka ini mengambil bahagian di dalam Pesta Sukan Asia di Bangkok itu. Siapa yang mereka hendak tipu, siapa yang mereka hendak bermain-mainkan. Rasa saya orang ramai tahu apa sebab sebenarnya. Pemain-pemain terkemuka Malaysia mengatakan mereka sakit, uzur tak boleh ambil bahagian di acara Pesta Sukan Asia di Bangkok.

Begitu juga keadaannya dengan olahraga. Olahraga langsung tidak berani membuat apa-apa keputusan, menyerahkan sebulat-bulatnya kepada Olympic Council. Baiklah Olympic Council sudah membuat keputusan akan mengambil bahagian dan mereka pun bersetuju mengambil bahagian. Persatuan Olahraga Amatur Malaysia bersetuju, dan daripada apa yang saya lihat juga para olahragawan dan olahragawati Malaysia masing-masing sekarang dalam keadaan sakit, ada yang sakit kaki, ada yang sakit perut dan ada macam-macam sakit, juga tidak boleh pergi dan mungkin kontijen kita yang akan pergi mengambil bahagian di Pesta Sukan Asia di Bangkok ini, saya rasa takkan ramai yang akan mendapat pingat-pingat emas kerana yang pergi itu bukanlah para-para athlete kita yang terkemuka. Mereka yang pergi itu juga merupakan mungkin barisan kedua athlete kita pada hari ini. Ini yang menyedihkan saya sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kedudukan sukan apa sebenarnya. Adakah sukan di negara kita ini untuk negara ataupun bukan untuk negara. Tetapi apa yang saya dengar ada setengah-setengah badan sukan mengatakan dan mengambil selogan bahawa sukan untuk negara. Kalau begitu keadaannya, kalau benar apa yang mereka kata, buktikanlah, inilah masanya yang patut mereka buktikan bahawa sukan di negara kita ialah sukan untuk negara. Saya harap Kerajaan juga mesti mengambil peranan yang lebih di dalam sukan supaya sukan benar-benar untuk negara.

Akhir-akhir ini saya dapati bukan sahaja badan-badan yang mengelolakan sukan di negara kita bersalah, malah Kerajaan juga memandang ringan di dalam soal kegiatan sukan, sukan untuk negara. Saya memberi bukti, kerana saya tidak membuat sesuatu tuduhan tanpa sesuatu alasan yang munasabah. Seumpamanya para athlete kita,

sebelum mereka boleh menyertai untuk bertanding di peringkat antarabangsa (international) hendaklah mengadakan satu latihan pusat. Latihan pusat ini memerlukan bukan seminggu, bukan sebulan malah ada setengah-setengah jenis sukan memerlukan hingga empat lima bulan latihan pusat untuk persediaan yang cukup dan teratur dan di dalam masa mereka menghadiri latihan pusat selama empat atau lima bulan ini mereka sudah pasti tidak boleh bekerja, mereka sudah pasti minta cuti daripada majikan-majikan mereka. Tuan Yang di-Pertua, mana majikan yang sanggup hendak membenarkan pekerjaanya cuti selama empat bulan, selama lima bulan. Mungkin ada tetapi yang ada pun menyatakan: awak boleh cuti tetapi tanpa gaji. Boleh cuti tetapi tidak ada gaji. Bagaimanakah para athlete itu boleh hidup selama empat atau lima bulan bagi mengikuti kursus ataupun latihan pusat tanpa menerima gaji mereka.

Inilah perkara-perkara yang sedang dialami oleh para athlete kita. Dan apa yang kita telah buat untuk mengatasi masalah ini? Tidak ada, tidak ada apa-apa. Jadi, yang tidak dapat cuti tidak dapat cutilah, yang dapat cuti tidak ada gaji, tidak ada gajilah, begitu keadaannya. Apakah salahnya, apakah tidak munasabah di dalam keadaan yang seperti itu kalau benar-benar sukan untuk negara Kerajaan tampil ke hadapan menubuhkan satu tabung sukan; katalah kepada para athlete yang terpaksa cuti dan dapat cuti tidak ada gaji dibiayai mereka ini, ditampung daripada tabung sukan tadi yang mana para athlete kita yang terpaksa mengikuti latihan pusat empat lima bulan diberi imbuhan sebagai gaji, diberi wang ganjaran ataupun imbuhan sebagai ganti kepada gaji yang mereka hilang. Ini satu sumbangan yang berkesan dan bererti. Ini satu contoh.

Dan satu lagi dari keperluan-keperluan. Keperluan-keperluan sukan amat sedikit disediakan oleh Kerajaan kita. Contohnya, saya ambil satu perkara sahaja, padang. Tidak payah jauh, di Wilayah Persekutuan ini sahaja sudah berlaku sekarang, kekurangan padang permainan yang bermutu yang amat sangat. Bukan sahaja tidak ada bertambah padang-padang permainan, katalah padang bola, tetapi padang yang ada pun sudah diambil dan dijadikan untuk

macam-macam projek. Saya memberi contoh yang tepat. Di hadapan Istana Negara ada sebuah padang bola yang bermutu, sekarang di atas padang permainan bola itu satu projek jambat sedang dibina dan tidak ada sebuah padang bola lain bagi menggantikan padang yang sudah pun diuruskan, diambil-alih untuk projek pembinaan jalan itu.

Saya bukan menyatakan bahawa projek jambat itu jangan dibina, tidak. Kalau perlu dibina atas padang bola itu, binalah, apa boleh buat. Tetapi hendaklah suatu lagi padang bola dibina ataupun dua lagi padang bola digantikan daripada padang bola yang telah diambil untuk pembina jambat itu. Tetapi tidak, padang bola yang telahpun diambil dan dirosakkan dengan pembinaan jambat di atas padang itu sendiri tidak ada gantinya dengan padang permainan bola yang lain. Itu contoh dan ini jadi kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, Keperluan permainan, keperluan sukan di negara kita ini amat kekurangan dan di sini Kerajaan hendaklah mengambil sesuatu daya usaha, inisiatif yang positif yang berkesan untuk memberi keperluan-keperluan yang tertentu, fasilitas-fasilitas yang tertentu untuk kemajuan sukan di negara kita ini dan janganlah serah bulat-bulat kepada persatuan-persatuan yang mengelolakan sebagai badan sukarela untuk kemajuan sukan itu. Oleh kerana kekurangan sokongan daripada Kerajaan ini kesannya ialah mutu sukan di negara kita sudah jauh tinggal kebelakangan daripada kemajuan mutu sukan di negara-negara jiran. Bukannya sukan kita tidak maju tetapi kemajuannya tidak sepesat kemajuan sukan di negara-negara jiran kita.

Kalau pada satu ketika dulu badminton, jenis sukan bulutangkis, Malaysia kita ini adalah satu negara yang terkemuka. Kalau cakap Malaysia hendak bermain badminton, semua negara badminton gentar menghadapi pasukan Malaysia. Tetapi pada hari ini di mana Malaysia sekarang di dalam dunia badminton? Di mana kita sekarang? Begitu juga di dalam olahraga, Tuan Speaker, pada suatu ketika kita mempunyai jaguh-jaguh pelari seperti Subramaniam, Jagathesan dan sebagainya. Pada hari ini siapa yang boleh kita katakan seorang olahragawan, olahragawati di peringkat antarabangsa? Tidak ada! Tuan Speaker, pada satu ketika pasukan hoki kita

ialah satu di antara 10 negara yang terkemuka di dunia. Pasukan hoki nasional kita, ke mana sekarang pasukan hoki kita? Nombor 20 di dunia pun belum tentu lagi. Apa telah jadi? Apakah tidak ada talent, apakah tidak ada bakat di negara kita? Ada, Tuan Speaker. Cuma pendekatan kita hendaklah diubahsuai dengan keadaan.

Pada hari ini untuk seseorang olahragawan dan olahragawati hendak meningkatkan mutunya bagi diterima di peringkat antarabangsa memerlukan sokongan daripada semua pihak, daripada kesatuannya, daripada pegawainya, daripada pelatih dan terutama daripada Kerajaan. Tidak ada suatu negara yang maju di dalam sukan tanpa bantuan daripada Kerajaan-tidak ada. Dan Malaysia cuba hendak mencapai suatu mutu sukan antarabangsa tanpa bantuan Kerajaan, terserah kepada badan-badan sukarela sahaja dan selagi kita mengikuti cara ini, selama itulah kita akan jauh tinggal di belakang di dalam arena sukan. Dan saya membuat satu cabaran di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Speaker, kalau tidak percaya lihat sahajalah keputusan Pesta Asia di Bangkok ini. Saya akan membangkitkan perkara ini sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini setelah selesai permainan Pesta Asia di Bangkok. Saya hendak lihat berapa pingat emas kita bawa, berapa pingat gangsa, berapa pingat lain kita bawa, saya hendak lihat, dan saya akan mengkaji, saya akan meneliti satu persatu secara detil setiap detik kejayaan kita, kalau ada di Pesta Asia di Bangkok yang akan datang ini.

Tuan Speaker, saya bercakap dengan nada ini bukan kerana marah tetapi kerana saya cintakan sukan saya mahukan Malaysia ini mendapat tempat yang sewajarnya di dalam arena sukan yang mana kita pernah menjadi satu negara jaguh sukan di Wilayah ini. Maka dengan itu saya merayu, Tuan Speaker, kepada badan-badan terutama sekali badan-badan Kerajaan untuk memberi perhatian yang berat. Bukan tidak ada badannya. Kita telah menubuhkan satu badan. Di dalam Dewan inipun kita telah meluluskan Akta, suatu akta yang bernama Majlis Sukan Negara. Apa telah jadi kepada Majlis Sukan Negara ini, Tuan Speaker? Mengikut Akta itu mengatakan tiap-tiap negeri mesti menubuhkan Majlis Sukan Negeri. Apa telah

jadi kepada Majlis Sukan Negeri-negeri ini? Yang saya tahu Majlis Sukan Negara tidak pernah bermesyuarat, tidak pernah di dalam masa 3-4 tahun ini tidak pernah sekalipun Majlis Sukan Negara ini bermesyuarat. Jadi apakah tujuannya kita meluluskan satu Akta Majlis Sukan di sini dengan penubuhan Majlis Sukan Negara walhal Majlis ini tidak pernah bermesyuarat sekalipun untuk memperlihatkan kemajuan mutu sukan di negara kita ini.

Saya merayu dengan penuh perasaan, merayu kepada Kerajaan moga-moga memberi perhatian yang lebih berat kepada sukan, memberi bantuan yang lebih yang mana di dalam Budget kita yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita amat tidak mencukupi untuk memajukan mutu sukan di negara kita dan saya berharap moga-moga kelemahan ini akan dapat diambil tindakan dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 6 minit lagi. Tiga orang Ahli Yang Berhormat belum bercakap lagi dalam Majlis ini. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

6.24 ptg.

**Tuan Wong Hoong Keat (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan ucapan Belanjawan tahun 1979 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, mulai pukul 12.00 tengahmalam pada 18hb Disember, 1977 Pulau Pinang telah diletakkan di bawah kawasan Principal Customs Area supaya cukai-cukai kastam dan eksais yang wujud di Semenanjung Malaysia dapat diselaraskan. Dengan hapusnya taraf pelabuhan bebas sebagai Pulau Pinang banyak masalah yang telah timbul akibat tindakan ini. Dalam masa lampau Pulau Pinang telah maju dengan derasnya sebagai sebuah pelabuhan bebas. Tetapi kini keadaan telah berubah. Pada masa lampau Pulau Pinang telah menjadi pusat pelancungan yang masyhur di mana para pelancung menghabiskan cuti panjang mereka serta membeli-belah tetapi sekarang mereka tidak mengunjungi Pulau Pinang kerana Pulau tersebut sudah tidak menjadi begitu menarik untuk membeli-belah.

Sejak pemansuhan taraf pelabuhan bebas, community perniagaan di Pulau Pinang telah

mengalami kekurangan dalam ertikata hasil yang didapati dari pelancung-pelancung. Ini telah dengan terang-terang menjejaskan perniagaan para peniaga di Pulau Pinang di mana pada masa-masa yang lampau mereka telah mendapat keuntungan yang lumayan. Maka dengan keadaan ini majikan-majikan terpaksa memberhentikan pekerjaan-pekerjaan mereka khususnya mereka yang bekerja sebagai pembantu-pembantu kedai dan juga di rumah-rumah perdagangan (Trading Houses).

Akibat ini ramai orang yang terlibat ini serta keluarga mereka telah berpindah ke lain-lain tempat seperti Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Sebagai pampasan kerana kehilangan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang telah dibenarkan duty-free shop status di mana 16 barang-barang disenaraikan sebagai barang-barang yang tidak dikenakan cukai. Akan tetapi 16 buah barang-barang yang disenaraikan ini adalah terhad dan mereka lebih suka membeli-belah di Hongkong atau di Singapura. Akibat ini mereka memendekkan cuti mereka di Pulau Pinang.

Memandang kepada keadaan-keadaan yang telah menjejaskan pertumbuhan Pulau Pinang yang dinyatakan tadi, saya menyeru Kerajaan mengambil langkah-langkah positif yang berikut:

- (1) Menambahkan senarai sekarang yang mengandungi 16 jenis barang yang tidak dikenakan cukai kepada 30 jenis barang kerana dengan tambahnya bilangan jenis barang-barang yang tidak dikenakan cukai, para pelancung akan tertarik hati dan membeli-belah di Pulau Pinang.
- (2) Menambahkan kawasan bebas perdagangan di Pulau Pinang supaya perdagangan re-export untuk memulakan perdagangan hinterland Pulau Pinang dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Burma.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 7hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*